

PERSATUAN SUKARELA ORANG CINA : SATU KAJIAN KES
PERSATUAN SHING AN DI BANDAR MAHARANI , MUAR

Tay Bee Eng

No. Matrik 053234

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat - syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1989 / 90

P E N G H A R G A A N

Saya amat terhutang budi kepada beberapa pihak tertentu dalam melaksanakan latihan ilmiah ini. Ucapan ribuan terimakasih kepada penyelia saya , Dr. Azizah Kassim yang telah memberi banyak bimbingan , nasihat dan kesabaran sepanjang masa latihan ilmiah ini dibuat.

Terimakasih juga kepada Presiden Persatuan Shing An Muar, En. Kwang Chee Hong yang banyak memberi pertolongan dan memperkenalkan ahli-ahli persatuan yang lain .Saya juga mengucapkan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Shing An seperti En. Ng Choon Lim, En. Chua Kan Chong, En. Tan Boon Hong , En. Tan Kirk Chiam dan En. Tan Kiang Ming kerana banyak memberi data - data serta maklumat yang penting bagi menjayakan latihan ilmiah ini.

Ucapan terimakasih juga kepada En. Chua Jui Meng yang memberikan maklumat-maklumat tentang MCA dan tidak lupa juga kepada pegawai-pegawai Pejabat Pendaftaran Pertubuhan serta kerani-kerani Persatuan Heng Ann di Melaka.

Selain itu saya ingin juga mengucapkan terimakasih kepada semua rakan-rakan dan responden-responden yang telah memberi sokongan , pendapat dan bantuan yang amat saya hargai.

Ahkirnya saya juga ingin menyampaikan ucapan terimakasih kepada Puan Tan Gek Chwee , Chris , Mei Choo , Mei Lin , Bee Lai , Hsu Ching , Ah Leng , Mei Chen ,Ming Siong ,Ming Huat dan Chee Kean kerana tanpa kasih sayang dari semua latihan ilmiah ini tidak akan berjaya.

Tay Bee Eng

SINOPSIS

Kajian ini ialah mengenai sebuah persatuan sukarela orang Cina di Bandar Maharani, Muar iaitu Persatuan Shing An .Persatuan ini adalah diasaskan kepada dialek , iaitu dialek Heng Hua . Tumpuan kajian ini ialah untuk melihat struktur , organisasi dan fungsi persatuan sukarela dari peringkat penubuhan sehingga sekarang. Ianya juga bertujuan untuk menilai sejauh mana fungsi persatuan masih diteruskan dan perubahan-perubahan yang berlaku. Akhirnya kajian ini adalah untuk melihat samada persatuan - persatuan ini masih dapat dipertahankan di Malaysia.

K A N D U N G A N

	Halaman
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Kandungan	iii
Senarai Peta	ix
Senarai Jadual	vii
Senarai Gambar	x
Bab	
Pertama	
Pendahuluan	1
1.0 Tujuan dan Bidang Kajian	1
1.1 Persoalan-persoalan	7
1.2 Metodologi Kajian	8
(a) Kerjalar.....	8
(b) Metode Kajian	8
(b) 1. Temuramah dengan Informan Utama	9
2. Temubual Biasa	9
3. Pemerhatian dan Penglibatan Pengkaji ..	10
4. Borang Soal Selidik	10
5. Jenis Sampling	11
1.3 Masalah dan Kelemahan Kajian	11
1.4 Teori dan Konsep Persatuan Sukarela	14
1.5 Imbasan kembali kajian yang lepas.....	18
Kedua	
Asal Usul Masyarakat Cina di Malaysia dan	
Perkembangan Persatuan Sukarela di Daerah Muar ...	21

2.1	Kedatangan orang Cina ke Malaysia :	
	Satu tinjauan seimbis	21
2.2	Faktor-faktor perkembangan penghijrahan yang pesat berlaku	22
2.3	Pembahagian masyarakat Cina mengikut kumpulan dialek	26
2.4	Sejarah perkembangan persatuan-persatuan sukarela orang Cina	31
2.5	Perkembangan persatuan-persatuan sukarela Cina di daerah Muar	33
	(a) Jenis kumpulan dialek di Bandar Maharani, Muar	35
	(b) Persatuan-persatuan sukarela yang wujud di Bandar Maharani	36
	(c) Persatuan yang Keahliannya Tertutup	38
	i. Persatuan sukarela kedaerahan atau dialek	38
	ii. Persatuan yang berasaskan persaudaraan dan suku	39 (a)
	iii. Persatuan perniagaan dan pekerjaan ..	39 (a)
	iv. Kelab-kelab dan persatuan rekreasi ..	40
	v. Persatuan-persatuan keagamaan dan kebajikan	43
	(d) Persatuan yang Keahliannya Terbuka	43
	i. Persatuan yang berkaitan dengan pendidikan	43
	ii. Persatuan yang berkaitan dengan politik	44

Ketiga	Perkembangan Persatuan Shing An , Muar	46
	3.0 Asal usul kumpulan dialek Heng Hua	46
	3.1 Perkembangan Penubuhan Persatuan Shing An ..	47
	3.2 Faktor-faktor kekurangan maklumat sejarah ...	52
	3.3 Sebab-sebab penubuhan.....	53
	(a) Prinsip penubuhan	57
	(b) Objektif	60
	(c) Keahlian	65
	3.4 Fungsi.....	68
	3.5 Rumusan	73
Keempat	Persatuan Shing An pada 80 an	75
	4.1 Perkembangan pada tahun 80an	75
	(a) Kemajuan dalam bangunan	75
	(b) Perlembagaan dan peraturan	78
	(c) Keahlian	80
	(d) Kewangan	85
	4.2 Pengenalan fungsi baru	87
	(a) Ugama	87
	(b) Jamuan-jamuan	88
	(c) Pelajaran	90
	(d) Kemudahan	94
	(e) Perayaan	96
	(f) Aktiviti lain	96
	(g) Tambahan	97
	4.3 Penglibatan ahli	98
	4.4 Rumusan	102

Kelima Kesimpulan	103
5.1 Cabaran-cabaran yang dihadapi	103
(a) Parti politik	104
(b) Agensi kerajaan dan persatuan lain	105
(c) Migrasi	107
5.2 Masa depan Persatuan Shing An	109
5.3 Cadangan	111
Nota	114
Bahan Rujukan	115
Lampiran 1 : Bentuk Soalan Temubual	119
Lampiran 2 : Borang Soal Selidik (Bahasa Malaysia)	122
Lampiran 3 : Borang Soal Selidik (Bahasa Mandarin)	125
Lampiran 4 : Borang Permohonan Bagi Pendaftaran Pertubuhan	129
Lampiran 5 : Borang Pendaftaran Keahlian Biasa	130
Lampiran 6 : Borang Pendaftaran Keahlian Seumur Hidup..	131
Lampiran 7 : Borang Permohonan Biasiswa Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann, Malaysia ..	132

S E N A R A I J A D U A L

halaman

Jadual 1.1 :	Carta pai menunjukkan komposisi etnik-etnik di Malaysia	4
Jadual 1.2 :	Carta pai menunjukkan komposisi kumpulan dialek yang utama di Malaysia ..	5
Jadual 2.1 :	Peringkat masa penghijrahan migran Cina ke Asia Tenggara	25
Jadual 2.2 :	Pembahagian masyarakat Cina mengikut kumpulan dialek masing-masing	28
Jadual 2.3 :	Pertambahan penduduk Bandar Maharani	35
Jadual 2.4 :	Komposisi penduduk Bandar Maharani pada tahun 1957	35
Jadual 2.5 :	Persatuan - persatuan dialek dan kedaerahan yang terdapat di Muar	39(b)
Jadual 2.6 :	Persatuan - persatuan perniagaan dan pekerjaan di Muar	41
Jadual 2.7 :	Kelab-kelab dan persatuan rekreasi Muar..	42
Jadual 2.8 :	Carta bar menunjukkan kepelbagaian persatuan-persatuan sukarela yang terdapat di Muar	45
Jadual 3.1 :	Perkembangan penduduk orang Cina di pusat - pusat bandar utama Malaysia	54
Jadual 3.2 :	Senarai persatuan-persatuan dialek Heng Hua yang menganggotai Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann , Malaysia	63/64

Jadual 3.3 (a) : Agihan umur ahli persatuan	65
Jadual 3.3 (b) : Carta bar menunjukkan agihan umur dan jantina ahli persatuan	66
Jadual 3.4 : Pekerjaan ahli-ahli persatuan	74
Jadual 4.1 : Sebab-sebab utama kemasukan persatuan ...	84
Jadual 4.2 : Nilai hadiah kewangan mengikut tingkat persekolahan	93
Jadual 4.3 : Peningkatan penerimaan hadiah kewangan ..	93
Jadual 4.4 : Perbezaan harga sewaan Dewan Persatuan Shing An	95
Jadual 4.5 : Kekkerapan penglibatan ahli dalam aktiviti persatuan	99
Jadual 5.1 : Sebab-sebab pengekaln persatuan sukarela	111

S E N A R A I P E T A

halaman

Peta 1 : Bandar Maharani ; Lokasi Persatuan Shing An , Muar	3
Peta 2 : Cina Tenggara ; Wilayah-wilayah penghijrahan yang utama	27
Peta 3 : Malaya ; Taburan petempatan kumpulan dialek di Semenanjung Malaysia	30
Peta 4 : Semenanjung Malaysia ; Migrasi dalaman	108

S E N A R A I G A M B A R

halaman

Gambar 1 :	Pemandangan luar bangunan Persatuan Shing An	76
Gambar 2/3 :	Pemandangan dalam bangunan Persatuan Shing An	77
Gambar 4 :	Bilik rihat untuk pelanggan bilik tumpangan	135
Gambar 5 :	Bilik tumpangan Persatuan Shing An , Muar	135
Gambar 6 :	Dewa - dewi yang di sembah oleh kumpulan dialek Heng Hua	136
Gambar 7 :	Perayaan Hari Lahir Dewi Mazu	136
Gambar 8 :	Perayaan Hari Lahir Dewi Mazu	137
Gambar 9 :	Perayaan Malam Tang Lung	137
Gambar 10 :	Jamuan makan tahunan	138

PENGENALAN

1.0 Tujuan Dan Bidang Kajian

(1)

Malaysia merupakan sebuah negara yang bermasyarakat majmuk di mana bangsa Melayu merupakan kumpulan etnik yang terbesar diikuti pula oleh kumpulan etnik Cina , India dan kumpulan minoriti. Mengikut Banci Penduduk Malaysia Mengikut Etnik-Etnik Utama (1980) , masyarakat Melayu berjumlah 6,380,383 orang iaitu kira - kira 48.5% dari 13,136,109 orang di Malaysia. Golongan masyarakat Cina pula seramai 4,167,053 orang (31.72%) dan golongan masyarakat India pula seramai 1,101,699 orang yang merupakan 31.72% dan 8.39% masing-masing dari seluruh penduduk Malaysia.

Oleh itu masyarakat Cina adalah kumpulan etnik yang kedua besar di Malaysia dan kumpulan ini memainkan peranan yang penting dalam bidang-bidang ekonomi, politik dan kebudayaan negara Malaysia.

Masyarakat Cina di Malaysia adalah berasal dari keturunan nenek moyang yang merupakan migrant-migrant awal dari tiga provinsi penghijrahan yang utama di negara Cina . Provinsi - provinsi ini adalah Kwang Tung , Kwangsi dan Fukien . Walaupun masyarakat Cina ini nampaknya hampir-hampir sama sahaja dari segi fizikal tetapi sebenarnya mereka ini merupakan satu kumpulan masyarakat yang amat kompleks iaitu terdapat lebih dari sepuluh jenis pembahagian mengikut jenis kumpulan dialek.

Kepelbagaian masyarakat Cina dapat dibuktikan lagi dengan terdapatnya berbagai-bagai persatuan sukarela yang didaftarkan di Malaysia. Persatuan-persatuan ini diasaskan kepada:

- (i) Persatuan yang berasaskan Kedaerahaan dan Dialek (Teritorial Dialect Associations).
- (ii) Persatuan Suku dan Nama Keluarga (Clan and Surname Associations).
- (iii) Persatuan yang berasaskan perkerjaan dan perniagaan (Guilds).

Majoriti kumpulan Cina di Malaysia merupakan golongan dialek Hokkien 36.74%, Hakka 21.75%, Kantonis 19.07%, Teochew 12.32%, Hailam 3.87%, Kwongsai 2.25%, Hokchiu 1.89%, Heng Hua 0.33%, Hokchia 0.18% dan lain -lain 1.58%. (Soh Wei Nee, latihan ilmiah untuk M.A. 1986.)

Kajian ini adalah mengenai orang-orang Cina dari kumpulan dialek Heng Hua iaitu salah satu kumpulan minoriti yang terdapat di Malaysia. Kajian ini bertumpu kepada Persatuan Shing An di Bandar Maharani , Muar . Di dalam kajian ini , pengkaji telah memberi tumpuan kepada persatuan sukarela yang berasaskan prinsip dialek. Persatuan sukarela yang berasaskan prinsip dialek ini juga dikenali sebagai hui-kuan dalam bahasa Cina.

PETA 1


Bandar Maharani : Lokasi Persatuan Shing An , Muar.



Petunjuk


■ Lokasi Persatuan Shing An.

Jadual 1.1 Carta Pai Menunjukkan Komposisi Etnik-etnik Di Malaysia, 1980



Sumber : Disesuaikan dari Laporan Banci Penduduk 1980, (hal : I8)

Jadual 1.2 Carta Pai Menunjukkan Komposisi Kumpulan-kumpulan Dialek Cina Yang Utama Di Malaysia



Sumber : Disesuaikan daripada Soh Wei Nee (1986 : 4)

Kajian mengenai Hui-kuan yang berasaskan dialek dipilih berdasarkan tiga sebab utama iaitu :

(i) Lebih dari 50% persatuan-persatuan sukarela pada abab ke 19 adalah terdiri dari jenis persatuan keturunan dialek. Keadaan ini berlaku kerana pada awal abab ke 19 bilangan orang Cina tidak begitu ramai maka penubuhan sesebuah persatuan yang berasaskan kedaerahan atau dialek dapat menarik lebih ramai ahli berbanding dengan persatuan yang berasaskan kepada suku dan perkerjaan.

(ii) Walaupun persatuan sukarela ini terdiri dari keahlian orang Cina sahaja tetapi persatuan-persatuan sukarela ini yang berasaskan kepada kedaerahan, suku dan perkerjaan mempunyai corak organisasi yang berlainan .Di antara ketiga-tiga jenis persatuan ini, persatuan sukarela yang berasaskan dialek ini lebih mempunyai ciri-ciri kesamaan maka kajian ini diharapkan juga dapat memberi pemahaman keatas persatuan-persatuan yang lain.

(iii) Pengkaji sendiri merupakan seorang ahli persatuan yang berasaskan dialek iaitu Persatuan Shing An , Bandar Maharani, Muar.

1.1 Persoalan-persoalan yang ingin dikemukakan

Kajian ini diharapkan dapat memberi penjelasan kepada beberapa persoalan berikut :-

- (a) Apakah fungsi dan peranan persatuan sukarela.
- (b) Apakah ciri - ciri utama ahli - ahli persatuan sukarela Cina
- (c) Adakah terdapat perubahan keatas peranan dan fungsi persatuan pada masa kini.
- (d) Kenapa masih berlaku penerusan persatuan sukarela dan penambahan dari segi bilangannya.
- (e) Adakah persatuan ini penting sebagai lambang etnik Cina di Malaysia dan dapatkah persatuan ini berkekalan selama-lamanya di negara ini.

1.2. Metodologi Kajian

1.2.(a) Kerjaluar

Semua penyelidikan ini telah dijalankan di Bandar Maharani ,Muar.Pada sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji juga pernah pergi melawat dan mendapatkan maklumat tambahan dari ibu pejabat Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann , Malaysia yang terletak di Melaka dan juga dari Pejabat Pendaftar Pertubuhan Melaka.

Objektif utama pengkaji menggunakan Persatuan Shing An sebagai satu unit analisis kerana ia dapat memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai persatuan sukarela yang berasaskan dialek .Menerusi kajian ini , pengkaji telah memperolehi maklumat-maklumat seperti sejarah perkembangan persatuan ini,struktur organisasi, fungsi yang dimainkan dan pandangan-pandangan dari ahli persatuan ini dalam tempoh masa dua bulan kajian .

(b)Metode Kajian

Metode kajian yang digunakan termasuklah melalui temuramah dengan informan utama,temubual biasa, borang soal selidik, pemerhatian serta penglibatan dan pemerhatian sahaja.Kajian juga dilakukan melalui pembacaan rekod-rekod persatuan , buku-buku cenderamata persatuan , dokumen , dan bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan persatuan sukarela.

(b) 1. Temuramah dengan informan utama

Temubual dengan informan utama adalah satu cara yang senang untuk mendapatkan maklumat - maklumat penting mengenai Persatuan Shing An kerana kebanyakan mereka adalah terdiri dari Ahli Jawatankuasa Persatuan dan telah menjadi ahli persatuan bagi satu jangka masa yang lama. Oleh itu golongan ini lebih mengetahui tentang latar belakang kegiatan dan perkembangan persatuan serta mempunyai keinginan yang kuat untuk membantu pengkaji.

Temujanji dengan mereka ini perlu dibuat awal kerana kebanyakan mereka ini merupakan peniaga-peniaga yang sibuk dan mereka bukan sahaja hanya menjadi ahli Persatuan Shing An tetapi juga persatuan - persatuan yang lain yang terdapat di daerah Muar. Temubual ini dilakukan dengan menggunakan temubual berstruktur yang diasaskan kepada soal selidik yang disertakan didalam Lampiran 1.

(b) 2. Temubual Biasa

Temubual biasa ini dijalankan dengan ahli persatuan yang biasa dan orang Cina yang berdialek Heng Hua tetapi masih belum menjadi ahli Persatuan Shing An.

Temubual ini dijalankan pada masa perayaan-perayaan tertentu yang dianjurkan oleh persatuan seperti perayaan Hari⁽²⁾ Lahir Dewi Mazu dan jamuan makan Tahunan. Cara ini dilakukan kerana kebanyakan ahli persatuan hanya menghadiri perayaan-perayaan yang besar sahaja.

Selain dari itu pengkaji juga menjalankan temuramah semasa aktiviti-aktiviti persatuan yang lain seperti latihan nyanyian dan latihan senanam " Tai-chi".Kaedah temuramah ini telah membolehkan pengkaji mendapatkan jawapan-jawapan bagi soalselidik dari kumpulan responden yang buta huruf.

(b) 3. Pemerhatian dan penglibatan pengkaji

Oleh kerana pengkaji merupakan salah seorang ahli persatuan ini maka pengkaji tidak mengalami masalah keluar dan masuk persatuan dengan bebas malah pengkaji juga dapat menyertai dalam segala perayaan dan aktiviti persatuan ini. Walaupun kadang kala tidak ada apa-apa aktiviti dan perayaan yang berlangsung, pengkaji juga mengunjungi persatuan tersebut untuk melihat dan memerhatikan suasana persatuan disitu.

(b) 4. Borang Soal Selidik

Borang soal selidik disediakan dalam dua bahasa iaitu bahasa Mandarin dan Bahasa Malaysia. Cara ini adalah untuk membolehkan responden dapat menjawab dalam bahasa yang mereka ketahui.

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bercorak " close-ended " untuk memudahkan para responden dan kerja pengkaji dan soalan-soalan yang bercorak " open-ended " untuk mendapatkan pandangan , penjelasan dan cadangan responden.

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan dan tiap-tiapnya mengandungi 22 soalan. (Lihat Lampiran 2 dan 3)

(b) 5. Jenis Sampling

Sampling yang digunakan adalah terdiri dari 4 kategori iaitu:

- i. Kumpulan sample yang terdiri dari orang-orang keturunan dialek Heng Hua yang tua.
- ii. Kumpulan sample yang terdiri dari Ahli Jawatan Kuasa Pusat Persatuan Shing An , Muar.
- iii. Kumpulan sample yang terdiri dari Ahli Jawatan Kuasa Bahagian Pemuda-pemudi Persatuan Shing An ,Muar.
- iv. Kumpulan sample yang terdiri dari orang luar yang bukan merupakan ahli persatuan ini.

1.3. Masalah-masalah dan Kelemahan Kajian

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan ,sambutan yang diterima adalah memuaskan terutamanya bantuan dan sokongan yang begitu baik dari Ahli-ahli Jawatan Kuasa Persatuan Shing An ini. Namun begitu pengkaji masih tetap menghadapi beberapa masalah iaitu masalah peribadi dan masalah luaran.

Masalah peribadi yang dihadapi oleh pengkaji yang utama adalah ketidakmampuan pengkaji memahami dan membaca bahasa Mandarin kerana pengkaji adalah dari aliran pendidikan Inggeris. Oleh sebab kajian ini adalah mengenai sebuah persatuan orang Cina maka kebolehan untuk membaca dan memahami bahasa Mandarin adalah amat berguna untuk membolehkan seseorang itu membuat kajian yang lengkap dalam minit-minit mesyuarat persatuan, rekod-rekod, dokumen dan buku-

buku cetakan persatuan yang hampir kesemuanya ditulis dalam bahasa Mandarin.

Selain dari itu pengkaji juga menghadapi masalah pertuturan bahasa dialek Heng Hua. Walaupun pengkaji sendiri merupakan seorang yang berdialek Heng Hua tetapi penguasaan dialek pengkaji adalah lemah. Disebabkan oleh kelemahan ini, pengkaji terpaksa meminta bantuan orang lain untuk menjadi orang perantaraan .

Masalah luaran pula adalah seperti kesuntukan masa kajian yang menyebabkan pengkaji tidak dapat memerhatikan aktiviti-aktiviti dan perayaan yang lain. Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji hanya dapat menyertai dua perayaan sahaja iaitu Perayaan Hari Lahir Dewi Mazu dan jamuan makan tahunan.

Di samping itu pengkaji juga mendapati hasil penggunaan borang soal selidik yang kurang memuaskan. Dari 100 borang soal selidik yang diedarkan hanya 20 borang yang diisi lengkap dikembalikan. Hasil dari borang soal selidik ini yang tidak memuaskan ini adalah kerana banyak responden berasa takut untuk mengisi borang soal selidik. Terdapat banyak kes-kes seperti kehilangan borang soal selidik, terlupa untuk mengisi borang dan jawapan yang tidak lengkap kerana borang telah diisi secara sambil lewa sahaja.

Pengkaji yang pada mulanya dipengaruhi oleh tulisan Babbie (1975, : 279) bahawa penggunaan kaedah borang soal selidik terdapat beberapa kebaikan , antaranya ialah :

1. menjimatkan
2. pantas

3. tidak menimbulkan masalah diskriminasi
4. boleh menjawab tanpa memberikan nama
5. boleh mendapatkan jawapan-jawapan yang lebih "jujur" mengenai isu-isu sensitif kerana responden-responden tidak perlu memberikan nama mereka.

Memandangkan hasil yang diterima melalui borang soal selidik adalah tidak begitu menggalakkan maka pengkaji cuba menggunakan kaedah lain yang lebih baik. Pengkaji mendapati kaedah yang dikemukakan oleh Coughlin (1953, : 27) amat berkesan untuk mendapatkan kerjasama yang baik dari responden-responden khususnya persatuan sukarela Cina. Cara yang dikemukakan olehnya adalah seperti berikut ,

" When studying a community or a social group it is often wise to interview the leaders first, to enlist their co-operation and if they see any justification for the study, to recommend the interviewer to other members of the group. This is particularly true of an immigrant group."

Walaupun begitu pengkaji terpaksa berwas - was sebab tidak semua jawapan yang diterima adalah jawapan yang dikehendaki kerana setengah responden menceritakan sesuatu yang lari dari soalan-soalan yang dikemukakan.

Kajian ini juga mempunyai kelemahan-kelemahannya. Ini adalah kerana kejujuran setengah jawapan yang diterima oleh pengkaji masih dapat lagi diragui. Setengah jawapan yang diterima boleh berubah-ubah mengikut " mood " responden tersebut. Hasil kajian ini juga tidak dapat di generalisasikan

kerana ia tidak melibatkan satu sample kajian yang besar dan data-data yang didapati adalah tidak cukup untuk dijadikan satu generalisasi umum.

1.4 Teori Dan Konsep Persatuan Sukarela.

Dalam mengkaji tentang teori persatuan sukarela , kita mendapati bahawa pembentukannya ada mempunyai perkaitan di antara sikap manusia dan perkembangan urbanisma yang berlaku. Menurut petikan teori yang dikemukakan oleh Stephen A. Douglas dan Paul Pedersen (1973, : 3) berbunyi demikian,

Aristotle's widely quoted dictum about man being a social animal has sustained a great deal of implicit theorizing about the causes and origins of groups and clubs . Such theorizing holds that it is man's nature to band together , and associations thus have existed in all societies."

Ramai juga ahli sosiologi juga mengatakan kewujudan persatuan-persatuan sukarela adalah berkaitan dengan perkembangan urbanisma misalnya istilah urbanisma oleh Wirth (1938) , seorang ahli sosiologi bandar adalah bermaksud demikian,

" Urbanization refers to the cumulative accentuation of characteristics distinctive of mode of life associated with the growth of cities." (Little 1973, : 407)

Perkembangan masyarakat urbanisma yang mempunyai pelbagai jenis penduduk , pengkhususan kerja dan perbezaan cara hidup yang nyata telah mengakibatkan penduduk bandar membentuk persatuan-persatuan sukarela di mana kumpulan - kumpulan tertentu yang mempunyai minat dan objektif yang sama, bergabung dalam satu kumpulan yang lebih besar . Malahan Robert Mac Iver (1949) berpendapat bahawa perbentukan persatuan sukarela dari sudut pandangan sosiologi adalah " the most characteristic feature of modern complex society".(Stephen dan Paul , 1973,: 6)

Fenomena ini lebih jelas lagi dalam kumpulan masyarakat yang merupakan migran-migran yang berpindah ke sesuatu kawasan yang baru.Kumpulan migran ini terpaksa menubuhkan persatuan mereka yang sendiri supaya hak dan kepentingan mereka diperlindungi .

Terdapat beberapa definisi mengenai konsep persatuan sukarela .Misalan Kerri (1976, : 23) telah mengklasifikasikan sesebuah persatuan sukarela sebagai persatuan yang mempunyai dua ciri berikut :-

- (1) Persatuan yang diasaskan atas sebab " common interest".
- (2) Keahlian adalah sukarela sepenuhnya.

Manakala Hsieh Jiann (1978, hal.193) pula mendefinasikan sesebuah persatuan sebagai persatuan sukarela dengan mempunyai ciri-ciri berikut :-

- (1) Ia adalah merupakan satu organisasi formal yang sengaja diasaskan oleh ahli-ahlinya untuk memenuhi matlamat - matlamat khas.
- (2) Keahlian adalah secara sukarela dan bukan dipaksa.
- (3) Ia bukan merupakan sumber penghidupan yang asas bagi individu .
- (4) Ia tidak memberi faedah kepada orang yang bukan ahli persatuan.
- (5) Ia adalah merupakan satu pertubuhan persendirian dan dimiliki oleh ahli-ahli sahaja.
- (6) Semua ahli-ahli dan pegawai yang dilantik didalam persatuan itu tidak diberi gaji kecuali setiausahanya.

Dari kedua-dua definisi konsep persatuan sukarela dapat dilihat lagi bahawa terdapat penekanan keatas **keahlian secara sukarela**.

Di samping itu terdapat juga perbezaan dalam asas pembentukan persatuan-persatuan sukarela orang Cina yang wujud di Asia Tenggara . Perbezaan dalam asas pembentukan persatuan sukarela ini dapat di lihat dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh Crissman (1967, : 194), Carsten (1975, : 24-25) dan Li Yih Yuan (1970, : 78-80).

Bagi Crissman , kategori yang dimaksudkan dalam persatuan sukarela termasuklah a) Persatuan kebajikan masyarakat b) Persatuan upacara pengebumian c) Kuil-kuil d) kelab-kelab e) Persatuan Perniagaan dan pertukangan f) Persatuan perdagangan g) kongsi gelap.

Manakala Carsten pula mengkategorikan persatuan sukarela yang termasuk dalam kategori berikut; a) Persatuan Suku b) Persatuan Kedaerahan c) Persatuan Wilayah d) Persatuan Dialek e) Kelab g) Persatuan Sukan h) Persatuan Kebudayaan i) Persatuan Ugama selain dari ugama Kristian j) Persatuan Perkerjaan k) Persatuan kerjasama dan persahabatan l) Persatuan Agama Kristian m) Persatuan Alumni n) Lain-lain. Hsieh pula mengkategorikan empat kategori persatuan sukarela sahaja iaitu :- a) Persatuan Tali Persaudaraan (kinship) b) Persatuan Dialek c) Persatuan Kedaerahan d) Persatuan Pekerjaan.

Li Yih Yuan pula membahagikannya kepada dua kategori yang besar iaitu persatuan-persatuan yang tidak terbuka keahliannya dan persatuan-persatuan yang dibuka keahliannya. Kategori persatuan yang tidak terbuka adalah termasuklah a) Persatuan Kedaerahan dan Dialek b) Persatuan "Surname" dan Suku c) Persatuan Pernaigaan d) Kelab dan Persatuan Rekreasi e) Persatuan Ugama dan Kebajikan Masyarakat. Manakala kategori persatuan yang dibuka keahliannya adalah a) Persatuan Guru-guru Cina b) Persatuan Sekolah-sekolah Cina c) Lain-lain. Dapat dilihat dengan nyata bahawa terdapat pelbagai asas-asas penubuhan persatuan sukarela. Tetapi pada masa kini terdapat setengah-setengah persatuan yang baru muncul tidak mematuhi konsep persatuan sukarela seperti konsep yang diberikan oleh Hsieh Jiann (1978, : 193) dan Kerri (1976, : 23) ini adalah kerana pembentukannya ada berkaitan dengan kehendak sosial masa kini yang mempunyai

tumpuan kepada sesuatu motif dan matlamat tertentu.

Thomas Tan Tsu Wee berpendapat bahawa hanya terdapat tiga kategori persatuan-persatuan sukarela orang-orang Cina yang primer iaitu a) Persatuan Tali Persaudaraan (Kinship)

b) Persatuan Kedaerahan

c) Persatuan Dialek.

Persatuan lain yang pula dimasukkannya dalam kategori persatuan sukarela yang sekunder. Thomas Tan Tsu Wee berkata lagi bahawa klasifikasian yang diberikan oleh Hsieh Jiann adalah tidak tepat kerana beliau berpendapat bahawa Persatuan Pekerjaan adalah diwujudkan dan dikembangkan dari Persatuan "Surname" dan Persatuan Kedaerahan. Manakala klasifikasian yang diberikan oleh Crissman di anggap tidak benar oleh pengkaji kerana konsep persatuan sukarela yang utama adalah keahlian bebas oleh itu kategori kongsi gelap harus dikeluarkan dari kategori persatuan sukarela kerana kongsi gelap mengamalkan juga keahlian paksa.

1.5. Imbasan kembali kajian-kajian yang lepas.

Kajian tentang persatuan sukarela tidak banyak dijalankan. Setakat ini hanya ada beberapa kajian mengenai persatuan-persatuan sukarela di Malaysia. Antaranya ialah oleh Low Lai Sheong (76/77) dalam latihan ilmiahnya mengenai Persatuan sukarela Cina di Kuala Lumpur . Chew Chiew Leng (83/84) pula menjalankan kajiannya di Negeri Sembilan dengan tumpuan khas kepada Persatuan Sukarela Keng Chew. Lee Wai Leng

(83/84) menjalankan kajiannya mengenai struktur dan fungsi Persatuan Sukarela Kantonis di Kuala Lumpur dan Low Chew Boon (84/85) pula menjalankan kajiannya di Persatuan Sam Sui di Melaka.

Soh Wei Nee menulis tesis yang bertajuk " Chinese Clan Associations In Georgetown, Klang And In Kuala Terengganu In Peninsular Malaysia ,1986". Dalam tesis ini beliau telah mengkaji tentang pembangunan, ciri-ciri organisasi dan fungsi persatuan-persatuan suku di Georgetown , Kelang dan Kuala Terengganu .Hsieh Jiann menulis tesis kedoktorannya pada tahun 1978. Beliau menulis tentang komuniti orang-orang Cina di Singapura.Dalam tesis itu , beliau memberi tumpuan khas kepada struktur dalaman dan perubahan sosio-budaya masyarakat Cina yang berada di Singapura.Thomas Tan Tsu Wee pula juga menulis tesis kedoktoran (1986) yang bertajuk "Singapore Modernization : A Study Of Traditional Chinese Voluntary Associations In Social Change." Manakala Sharon A. Carstens (1975) pula membuat satu kertas kerja mengenai persatuan sukarela orang Cina di Singapura dengan kajian yang mendalam mengenai fungsi dan peranan persatuan sukarela.

Selain daripada latihan ilmiah terdapat juga beberapa buku mengenai persatuan sukarela Cina , misalan Cheng L.K. (1985) ,menulis buku mengenai perubahan sosial orang-orang Cina di Singapura.Wolfgang Moese (1979) pula menulis buku tentang orang-orang Cina mengikut daerah masing-masing di Malaysia dan Singapura.Stephen A. Douglas dan Paul Pedersen (1973) menulis buku mengenai perkembangan persatuan sukarela

Cina di Malaysia dan Li Yih Yuan (1970) pula menulis sebuah buku dalam bahasa Mandarin mengenai cara hidup migran-migran Cina yang terdapat di sebuah bandar yang terletak di selatan Malaya.

Kajian-kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa pada awal abad ke 19 ,persatuan-persatuan sukarela ini memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan orang-orang Cina di Asia Tenggara khususnya di Singapura dan Malaysia.Tetapi kajian ini juga mendapati bahawa mulai tahun-tahun 60an , persatuan-persatuan Cina semakin kurang berpengaruh dan kurang menarik minat generasi Cina yang moden ini.Oleh itu kajian terhadap persatuan-persatuan sukarela ini harus dijalankan lagi.

B A B K E D U A

ASAL USUL MASYARAKAT CINA DI MALAYSIA DAN PERKEMBANGAN PERSATUAN SUKARELA DI DAERAH MUAR.

Bab kedua ini akan membincangkan tentang asal usul masyarakat Cina dan perkembangan persatuan-persatuan sukarela di Malaysia. Aspek-aspek yang dikaji termasuklah sejarah masyarakat Cina yang wujud di Malaysia dan hubungannya dengan fenomena migrasi, pembahagian orang-orang Cina mengikut dialek, asal usul persatuan sukarela, konsep persatuan sukarela dan perkembangannya di daerah Muar, Johor.

2.1 Kedatangan orang Cina Ke Malaysia :

Satu Tinjauan Seimbas.

Selat Melaka memang menjadi tumpuan perdagangan antara Barat dengan Timur sejak kerajaan Melaka dibuka pada abad ke 15. Walaubagaimanapun hubungan antara Tanah Melayu dengan negeri Cina telah wujud sejak tahun 600 Masihi lagi. Ketika itu kerajaan Langkasuka telah membuat hubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara tersebut. Walaupun hubungan ini telah wujud lama tetapi bilangan penduduk orang-orang Cina di Tanah Melayu masih amat sedikit, misalnya pada tahun 1641 semasa Belanda menawan Melaka dari Portugis terdapat lebih kurang 300-400 orang Cina sahaja di sana. Mereka menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan, pertukangan dan pertanian. Sehingga 1678 cuma terdapat 450 orang Cina sahaja.

Maka didapati bahawa perkembangan penduduk Cina di Tanah Melayu amat sedikit sehinggalah pada tahun-tahun 1860-1930 dimana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan proses penghijrahan yang pesat berlaku.

2.2 Faktor-faktor perkembangan penghijrahan yang pesat berlaku.

Mulai dari tahun - tahun 1860 - 1930 , Asia Tenggara mengalami satu perubahan yang drastik. Pembubaran Syarikat Hindia Timur British dan Syarikat Hindia Belanda telah mewujudkan sistem perdagangan bebas yang menarik masuk pelabur asing dan tempatan ke Asia Tenggara. Pertambahan permintaan kepada bahan-bahan mentah dari Asia Tenggara seperti bijih timah , tembakau , rempah dan getah telah menyebabkan terdapatnya masalah kekurangan tenaga kerja untuk aktiviti tersebut. Bagi mengisi kekurangan bekalan tenaga kerja ini maka buruh-buruh terpaksa diimport dari luar Asia Tenggara khususnya dari negara India dan Cina.

Masyarakat Cina sebenarnya tidak suka berhijrah keluar dari tempat asal mereka. Malah Chen Ta (1923, : 16) telah menulis bahawa,

" Bagi mereka untuk meninggalkan rumah sejauh 0.4 batu sahaja sudah menjadi keadaan yang tidak seindah seperti yang terdapat di dalam rumah sendiri." (terjemahan)

Masyarakat Cina tradisi masih terikat kepada sistem kekeluargaan dan nilai-nilai tradisi yang amat ketat. Selain daripada itu amalan menyembah nenek-moyang merupakan satu sebab yang kuat menghalang orang-orang Cina dari berhijrah.

Migran Cina yang berhijrah ke Asia Tenggara terutamanya dari tahun-tahun sebelum 1949 adalah dari kawasan pertanian yang miskin di negeri Cina kerana disebabkan oleh keadaan hidup yang tertekan akibat kependudukan yang terlalu padat. Provinsi-provinsi penghijrahan yang utama seperti Kwang Tung, Fukien, Shantung dan Chihli yang kesemuanya terletak berhampiran dengan pantai membolehkan mereka mempunyai pintu keluar dan masuk yang mudah melalui laut.

Kemudahan pelabuhan yang baik turut juga membantu penghijrahan yang pesat berlaku, misalan Pelabuhan Tientsin dan Chinwangtao di provinsi Chihli, Pelabuhan Chefoo, Tsingtau dan Weihaiwei di provinsi Shantung, Pelabuhan Amoy dan Foochow di provinsi Fukien. Di provinsi Kwangtung pula terdapat pelabuhan-pelabuhan seperti Swatow, Canton, Hainan dan Hong Kong.

Kemerosotan ekonomi akibat peperangan, pemberontakan anti Manchu, penyakit, kemarau dan banjir telah mengakibatkan berlakunya banyak kesengsaraan dan kebuluran. Keadaan ini telah memaksa orang-orang Cina dari provinsi Selatan Cina berhijrah keluar dari Negeri Cina.


Pembangunan Asia Tenggara yang kian pesat ini serta penambahan peluang-peluang perkerjaan dan polisi British yang begitu menggalakkan telah mendorong kemasukan orang Cina ke Tanah Melayu. Amalan dasar liberal dan dasar perdagangan

bebas oleh British sejak peluasan kuasanya terhadap Negeri-negeri Bersekutu telah menyakinkan lagi orang Cina yang ingin berhijrah ke Tanah Melayu. Selain dari itu , British juga tidak menjalankan apa-apa diskriminasi terhadap migran Cina malahan tiada sebarang kawalan terhadap kemasukan mereka.

Golongan migran Cina yang berjaya dan pulang semula ke negeri Cina sebagai orang kaya telah memberi rangsangan dan pengaruh yang kuat secara sengaja atau tidak sengaja kepada penduduk kampung halaman. Di samping itu golongan orang Cina yang berpengaruh di Tanah Melayu telah mendapat kedudukan yang sama dengan wakil-wakil British.

Selain dari migran Cina yang inginkan kehidupan yang lebih baik di Tanah Melayu dan untuk mencari kekayaan untuk dibawa balik ke negeri Cina , terdapat juga setengah golongan migran Cina yang berhijrah keluar disebabkan oleh desakan politik .Kumpulan migran ini merupakan golongan yang bersikap anti Manchu dan mereka ini ingin menjadikan ⁽³⁾ Nanyang sebagai pusat pemberontakan ke atas kerajaan Manchu. (Lihat jadual 2.1)

**JADUAL 2.1 : MENUNJUKKAN PERINGKAT MASA PENGHIJRAHAN MIGRAN
CINA YANG BERLAKU DI ANTARA NEGERI CINA DAN ASIA TENGGARA**



SUMBER: WOLFGANG MOESE (1979, : 139)

2.3. Pembahagian Masyarakat Cina Mengikut Kumpulan Dialek

Kedatangan masyarakat Cina ke Tanah Melayu merupakan majoriti penduduk yang berasal dari provinsi - provinsi Kwang Tung , Kwangsi dan Fukien. Mereka berhijrah secara berkelompok- kelompok mengikut kawasan asal mereka. Oleh itu terdapat lebih dari sepuluh jenis komuniti Cina yang berlainan dialek terdapat di Tanah Melayu .

Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa majoriti migran-migran Cina ini berasal dari Provinsi-provinsi Cina Selatan. Kawasan penghijrahan utama yang mengikut kumpulan dialek-dialek masing-masing dapat dilihat dengan jelas melalui Peta 2 dan keterangan yang lanjut mengenainya dapat diikuti melalui Jadual 2.2 .

Ciri-ciri corak penempatan mengikut kumpulan dialek masing-masing di negeri Cina telah di bawa masuk juga oleh migran-migran yang berhijrah di Tanah Melayu. Kajian oleh Wolfgang Moese (1979, : 164-171) telah memberi gambaran yang jelas mengenai ketidakseimbangan pembahagian migran Cina ini mengikut dialek ke negeri-negeri yang terdapat di Tanah Melayu.

Menurut beliau, lebih dari separuh dari kumpulan dialek Hokkien di Semenanjung Malaysia berpusat di negeri-negeri Selat iaitu 35% di Singapura, 13% di Pulau Pinang dan Seberang Prai dan 4.5% di Melaka. Pemusatan kecil kumpulan Hokkien yang lain bertempat di sepanjang pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di Kuala Lumpur serta sebilangan kecil di utara Kelantan dan Terengganu.



- DIALECT GROUP**
- ① FOOCHOW
 - ② HOKCHIA
 - ③ HENGHUA
 - ④ HOKKIEN
 - ⑤ TEOCHEW
 - ⑥ HAKKA
 - ⑦ CANTONESE
 - ⑧ HAINANESE



Sumber : Disesuaikan dari Cheng Lim Keak (1985, :17)

Jadual 2.2 Pembahagian Masyarakat Cina Mengikut Komuniti Dialek Dan Daerah Keturunan Masing-masing.


No.	Kumpulan Dialek	Daerah Asal
1	Hokkien	Kebanyakan berasal dari "prefecture Changchou" dan "Chuan-chou di wilayah Fukien.
2	Kantonis	Kebanyakan berasal dari "Kuang-chou-fu" yang meliputi 30 daerah di wilayah Kuangtung.
3	Hakka	Kebanyakan berasal dari "prefecture Chia-yin-chou", "Hui-chou" dan "Chao-chao" di wilayah Kuangtung dan "prefecture Ting-chou" di wilayah Fukien.
4	Teochew	Dari "prefecture Chao-chou" di wilayah Kuangtung.
5	Hailam	Dari "prefecture Chiung-chou" di pulau Hainan di wilayah Kuangtung.
6	Kwongsai	Dari wilayah Kuangsi.
7	Hokchiu	Dari "prefecture Fu-chou" di wilayah Fukien.
8	Hokchia	Dari daerah Fu-ching di wilayah Fukien.
9	Heng Hua	Dari daerah Pu-tien dan Hsien-yu di wilayah Fukien.
10	Lain-lain	Dari wilayah selain dari daripada Kuangtung, Fukien, dan Kuangsi, terutama orang Cina yang bercakap bahasa Mandarin yang digolongkan sebagai Sankiang oleh orang Cina yang lain.

Sumber : Chee Liew Seong (1971, hal 15-16)

43% daripada kumpulan Teochew yang berada di Asia Tenggara berpusat di Singapura. Di Semenanjung Malaysia pula pemusatan orang Teochew pula terdapat di Seberang Prai dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya dan sebilangan kecil orang-orang Teochew ini boleh didapati di pantai barat Johor. Kumpulan Hakka pula berpusat di kawasan tengah Selangor dan Negeri Sembilan (30%) dan sekeliling bandar Ipoh Perak terdapat lebih kurang 20% ; dan 20% yang lain terdapat bertaburan di Singapura dan Selatan Johor.

Kumpulan Kantonis pula berpusat di bandar-bandar utama seperti Sinapura (25%), Ipoh (15%) , Kuala Lumpur (11% dan Pulau Pinang (6.5%). Satu pertiga daripada kumpulan Hailam pula bertumpu di Singapura. Kawasan-kawasan tumpuan yang lain pula didapati di Johor, Selatan Selangor, Melaka dan Terengganu . Mana kala dari kumpulan Hokchiu tertumpu di Dinding dan Sitiawan. Pemusatan yang lain termasuklah di Singapura , Pulau Pinang , Melaka, Kuala Lumpur dan Batu Pahat. Kumpulan dialek Heng Hua dan Hokchia yang merupakan kumpulan dialek yang minoriti pula berpusat di Singapura dan Dinding. (Lihat Peta 3 yang menunjukkan taburan petempatan kumpulan dialek di Semenanjung Malaysia.)

MALAYA : Taburan pertempatan kumpulan dialek Cina di Semenanjung. (1957)



Sumber : Disesuaikan dari Moese (1979, : I66- I70)

2.4 Sejarah Perkembangan Persatuan-Persatuan Sukarela Orang Cina

Organisasi yang paling penting dan masih populer di kalangan masyarakat Cina di Asia Tenggara adalah Persatuan yang Berasaskan Kedaerahan dan Dialek atau ia lebih di kenali sebagai hui-kuan. Sebenarnya sistem Hui-kuan in tidak berasal dari Asia Tenggara tetapi ia adalah satu bentuk organisasi yang lama wujud di negeri Cina. Hui-kuan yang mula-mula adalah berasal dari organisasi yang ditubuhkan oleh pegawai-pegawai Cina yang dihantar bertugas jauh dari kampung asal mereka. Langkah ini diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan pegawai-pegawai tersebut dari menjadi terlalu berkuasa di dalam kampung masing-masing. Oleh kerana pegawai-pegawai ini dihantar kepada sesuatu kawasan yang baru maka mereka membentuk hui-kuan supaya dapat bergaul dengan pegawai-pegawai yang berasal dari daerah yang sama dengan mereka.

Selain daripada pegawai-pegawai tersebut, peniaga-peniaga dan pedagang - pedagang yang pergi jauh ke pedalaman atau ke bandar - bandar untuk urusan perniagaan maka mereka telah membentuk hui-kuan untuk menjaga keselamatan dan kepentingan mereka. Di samping itu , pelajar-pelajar yang berhijrah ke Peking untuk mengambil peperiksaan am telah menubuhkan hui-kuan untuk menyediakan tempat tinggal yang sementara bagi mereka.

Pembentukan hui-kuan pada asalnya adalah untuk membantu ahli-ahlinya yang terpaksa meninggalkan daerah masing-masing. Hui-kuan ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dan solidariti di dalam komuniti masing-masing. Oleh itu apabila orang-orang Cina ini berhijrah ke Tanah Melayu mereka turut membawa bersama-sama mereka pola-pola organisasi tradisional mereka. Organisasi-organisasi tersebut adalah seperti Hui-kuan, kuil, persatuan yang berasaskan suku, perkerjaan, sekolah-sekolah dan kongsi-kongsi gelap.

Apabila migran-migran ini sampai ke rantau Tanah Melayu, mereka mendapati bahawa mereka bukan sahaja bertemu dengan orang - orang Cina yang berlainan dialek tetapi juga dengan etnik-etnik serta bahasa yang amat berbeza dengan mereka. Oleh sebab itu mereka mengamalkan pergabungan diri dalam sesebuah organisasi supaya perasaan takut dapat dikikis dan keselamatan mereka dijamin. Tambahan pula pada peringkat awal migrasi, orang-orang Cina ini merupakan golongan petani-petani yang tidak mempunyai kemahiran dan pendidikan yang tinggi. Dengan yang demikian mereka mula menceburi aktiviti-aktiviti pekerjaan yang baru untuk menyara kehidupan mereka. Sejak itulah perkembangan pembentukan persatuan-persatuan yang berasaskan pekerjaan dan perniagaan telah mula wujud. Di samping itu dasar British yang enggan mengintegrasikan orang-orang Cina ke dalam masyarakat tempatan di Tanah Melayu juga mendorong mereka membentuk Hui-Kuan.

2.5 Perkembangan Persatuan-persatuan Sukarela Cina di Daerah Muar

Daerah Muar terletak di Negeri Johor. Pusat bandar daerah Muar telah dirasmikan menjadi Bandar Maharani oleh Sri Maharaja Johor, Sultan Abu Bakar pada tahun 1884. Nama "Bandar Maharani" diambil daripada perkataan "RANI" iaitu bahasa Hindu Tua yang bererti Raja Perempuan.

Ia merupakan sebuah bandar yang menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran bahan-bahan keluaran seperti kelapa, lada hitam, nenas dan getah untuk kawasan - kawasan sekitarnya. Seperti bandar - bandar lain di negeri Johor, kemasukan orang-orang Cina ke Bandar Maharani ini adalah berkaitan dengan adanya sistem Kangchu. Sistem Kangchu ini adalah satu sistem pentadbiran baru yang diperkenalkan oleh Temenggong Ibrahim sebagai langkah untuk menghapuskan pergolakan kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang kian hebat. "Kangchu" ialah istilah dalam bahasa Mandarin yang bermaksud "lord of the river". Kangchu yang diberi surat kuasa sungai ini mempunyai kuasa untuk membuka dan menjalankan aktiviti pertanian di kawasan sekitar sungai tersebut. Di samping itu pemilik-pemilik surat kuasa sungai ini juga boleh membuka tempat perjudian, menjual rokok, menjual daging babi, membuka kedai serta mengutip cukai. Kadang-kala mereka juga menjadi wakil kepada kerajaan dalam memelihara keamanan, bagi pemilik surat kuasa sungai yang lebih kuat mereka boleh mengeluarkan matawang sendiri.

Chai Tai Sung adalah Kangchu pertama yang dilantik oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1884 . Beliau kemudiannya dilantik menjadi Kapitan orang-orang Cina di Muar dan tugas utamanya adalah untuk membangunkan daerah tersebut. Di samping itu, Chai juga menjalankan aktiviti perniagaan di bandar tersebut. Beliau juga membina jalanraya-jalanraya dan pasar awam. Oleh kerana beliau merupakan seorang keturunan dialek Teochew maka beliau menggalakkan orang-orang Teochew membuka hutan di pinggir sungai Muar untuk menanam lada hitam dan gambir. Perniagaan - perniagaan di pasar awam Bandar Maharani sehingga masa ini ia masih lagi dimonopoli oleh orang - orang Teochew .

Migran-migran awal orang Cina ke daerah Muar adalah terdiri dari kumpulan dialek Teochew. Oleh itu kerja-kerja pembukaan Bandar Maharani adalah merupakan jasa dan usaha orang-orang Teochew. Antara tahun 1844-1910 , orang-orang Teochew mengutamakan pembukaan tanah baru untuk penanaman lada hitam. Selain dari itu mereka juga menjalankan aktiviti mengeksport hasil-hasil taninya melalui Singapura.

Tetapi menjelang tahun 1920 , kegemilangan kedudukan orang Teochew mulai merosot. Keadaan ini berlaku kerana terdapatnya kemasukan migran baru yang berlainan dialek selain dari dialek Teochew. Majoriti pendatang baru ini adalah dari kumpulan dialek Hokkien .

2.5.(a) Jenis Kumpulan Dialek Di Bandar Maharani, Muar


Pada tahun 1911, penduduk bandar ini hanya berjumlah 5,000 orang sahaja. Dengan pertambahan migran yang baru bilangan penduduk bandar ini telah meningkat dengan pesat. Pertambahan penduduk bandar Muar ini dapat dilihat di jadual 2.3.

Jadual 2.3 Menunjukkan Pertambahan Penduduk Bandar Muar.

TAHUN	BILANGAN PENDUDUK
1911	5000
1921	13,000
1931	20,300
1947	32,200
1957	39,039

Jadual 2.4

Komposisi Kumpulan-kumpulan Etnik
Utama Di Bandar
Muar Pada Tahun 1957.



Sumber : Li Yih Yuan (1970, : 56)

* Sumber yang terbaru tidak dapat diperolehi.

Masyarakat orang-orang Cina di bandar Muar terbahagi kepada 8 kumpulan dialek yang utama iaitu :

- 1) Kumpulan Dialek Hokkien
- 2) Kumpulan Dialek Teochew
- 3) Kumpulan Dialek Hakka
- 4) Kumpulan Dialek Hailam
- 5) Kumpulan Dialek Kantonis
- 6) Kumpulan Dialek Heng Hua
- 7) Kumpulan Dialek Lui Chiew
- 8) Kumpulan Dialek Kwangsi

Kumpulan Hokkien merupakan kumpulan yang paling ramai di Bandar Maharani . Kemasukan kumpulan dialek Hokkien secara besar-besaran pada tahun 1920an. Kajian pada tahun 1963 telah menunjukkan bahawa bilangan penduduk dari keturunan dialek Hokkien telah meliputi 13,000 iaitu separuh dari bilangan orang-orang Cina yang menetap di situ. Seterusnya kumpulan dialek Teochew pula terdapat 6,000 orang, 2,000 orang Hakka, 2,000 orang Hailam, 1,500 orang Kantonis dan 1,500 pula terdiri dari kumpulan-kumpulan dialek Heng Hua , Lui Chiew dan lain-lain.

2.5.(b) Persatuan-persatuan Sukarela Cina Yang Wujud Di Bandar Maharani.

Mengikut satu kajian yang dijalankan pada tahun 1963 telah ada sebanyak 66 buah persatuan sukarela orang-orang Cina pada masa itu. Pada tahun 1966 pula terdapat penambahan sebanyak 9 buah lagi persatuan sukarela yang baru tetapi 3

persatuan sukarela yang lama telah tidak wujud lagi. Dengan itu bilangan kesemua persatuan sukarela yang ada pada tahun 1966 adalah 72 buah sahaja. Penjelasan yang selanjutnya akan membincangkan persatuan-persatuan yang wujud di Muar berdasarkan data yang didapati pada tahun 1966 (1). Walaubagaimanapun melalui rekod yang diperolehi dari Buku Panduan Persatuan-Persatuan Sukarela Malaysia, 1984 jelas ada hanya 42 buah persatuan sukarela yang tercatat di dalamnya.

Persatuan-persatuan yang lain tidak tercatat dalam buku panduan tersebut kerana setengah persatuan sudah tidak wujud lagi dan yang lain pula sudah tidak lagi aktif. Maka dengan itu ia tidak menghantar nama untuk disenaraikan dalam buku panduan tersebut.

Terdapat 2 pembahagian utama persatuan-persatuan sukarela yang wujud di Muar iaitu :

1. Persatuan yang keahliannya dibuka
2. Persatuan yang keahliannya tertutup

(1) Data yang didapati pada tahun 1966 adalah lebih lengkap berbanding dengan data yang diperolehi pada tahun 1984 kerana didapati setengah persatuan yang sengaja tidak disenaraikan dalam buku panduan.

2.5.(c) Persatuan Yang Keahliannya Tertutup

Persatuan yang keahliannya tertutup boleh dibahagikan kepada kategori-kategori yang lebih kecil lagi iaitu :

- (i). Persatuan Kedaerahan atau Dialek.
- (ii). Persatuan Persaudaraan atau Suku .
- (iii). Persatuan Perniagaan.
- (iv). Kelab-kelab dan Persatuan Rekreasi.
- (v). Persatuan Keagamaan dan Persatuan Kebajikan

(i). Persatuan Sukarela Kedaerahan atau Dialek

Penubuhan persatuan ini adalah mengikut rumpun masing-masing atau dialek dan wilayah tertentu. Muar mempunyai 13 jenis persatuan sukarela dialek atau kedaerahan tertentu. Diantara 13 buah persatuan itu, 2 persatuan adalah berdasarkan kedaerahan manakala 7 buah persatuan adalah berdasarkan dialek dan 4 lagi adalah berdasarkan kedaerahan dan dialek. Hampir kesemua persatuan-persatuan ini telah wujud sebelum perang dunia ke 2, kecuali Persatuan Shing Ann yang ditubuhkan pada tahun 1947 dan Persatuan Kheng Jai Tang Lo yang di tubuhkan pada tahun 1965. Persatuan yang pertama telah ada di Muar sejak dari tahun 1863 iaitu 21 tahun sebelum pembukaan bandar Muar. Persatuan yang lain pula ditubuhkan di antara tahun-tahun 1894-1938 dan persatuan yang terakhir sebelum zaman perang adalah Persatuan Hakka yang ditubuhkan pada tahun 1940. (Lihat jadual 2.5)

(ii) Persatuan Yang Berasaskan Persaudaraan dan Suku

Terdapat 14 buah persatuan yang berasaskan kepada:

- (i) Persatuan yang mempunyai nama keluarga yang sama.
- (ii) Persatuan yang berdasarkan kawasan yang mempunyai nama keluarga yang sama dan sistem "lineage" yang sama.

Menurut data 1966 , terdapat hanya 3 buah persatuan yang ditubuhkan pada zaman sebelum perang .Persatuan ini juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama seperti persatuan sukarela yang diasaskan kepada ialek dan kedaerahan .Tetapi terdapat sedikit perbezaan dari segi keahliannya dan ia tidak menjalankan fungsi mencari pasangan hidup bagi ahli-ahli persatuan kerana orang-orang Cina dilarang berkahwin dengan pasangan yang sama " surname".

(iii) Persatuan Perniagaan dan Pekerjaan

Muar mempunyai 15 buah persatuan perniagaan dan pekerjaan Dari jumlah ini , 6 buah persatuan ini ditubuhkan sebelum perang dunia kedua dan lain-lain pula ditubuhkan selepas perang dunia kedua.Persatuan-persatuan perniagaan ini biasanya ada berkaitan dengan Persatuan yang berasaskan dialek atau suku.Ini adalah kerana orang Cina dari kumpulan tertentu selalunya mempunyai pengkhususan terhadap perniagaan atau kemahiran tertentu.Misalnya Persatuan Kenderaan Bebas

**adual 2.5 Persatuan-persatuan Yang Berasaskan Dialek dan
Kedaerahan Serta Tarikh Penubuhannya di Muar.**

Bil.	Nama Persatuan	Tarikh Penubuhan
1	Persatuan Hokkien Muar	1916
2	Persatuan Kwang Tung	1918
3	Persatuan Chiang Chuan	1936
4	Persatuan Eng Choon	1894
5	Persatuan Hui Ann	1937
6	Persatuan Teo Chew	1938
7	Persatuan Khek	1940
8	Persatuan Kwong Siu	1906
9	Persatuan Kheng Jai	1863
10	Persatuan Lui Chiew	1935
11	Persatuan Shing Ann	1948
12	Persatuan Chan Yong	1928
13	* Persatuan Kheng Jai Tang Lo	1965

umber : *Li Yih Yuan (1970, hal 79 - 80)*

dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri dari dialek Heng Hua dan Hokchia manakala Persatuan Kopi dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri dari kumpulan dialek Hailam. (Lihat Jadual 2.6 yang menunjukkan persatuan-persatuan perniagaan dan tarikh penubuhan persatuan yang terdapat di Muar.)

(iv) Kelab-Kelab Dan Persatuan Rekreasi

Terdapat 18 buah persatuan dalam kategori ini. Dari jumlah ini 7 adalah terdiri dari kelab-kelab, 3 buah persatuan "opera" , 2 buah persatuan yang bertujuan kesenian dan persatuan-persatuan yang lain adalah berkaitan dengan sukan. Motif utama penubuhan persatuan-persatuan ini adalah untuk memperkembangan kebudayaan Cina, seni lukisan dan tulisan Cina , meningkatkan lagi mutu sukan dan lain-lain lagi.

Biasanya kelab-kelab ini dianggotai oleh sekumpulan dialek tertentu . Misalan Kelab Tong Guan merupakan satu persatuan dimana majoriti ahlinya dianggotai oleh orang-orang Cina dari kumpulan dialek Hakka manakala Kelab Jing Han pula dianggotai oleh majoriti orang-orang Teochew.

Persatuan-persatuan sukan pula menyediakan tempat-tempat dan peralatan sukan untuk pertandingan bola keranjang, ping pong, bulu tangkis dan juga meja-meja mahjong. Kebanyakan kelab-kelab rekreasi ini dibiayai dan di bawah naungan Persatuan yang berasaskan Dialek atau Kedaerahan. (Lihat Jadual 2.7 yang menunjukkan persatuan dan kelab rekreasi yang terdapat di Muar.)

adual 2.6 Persatuan-persatuan Perniagaan Dan Pekerjaan
Yang Terdapat Di Muar.

Bil.	Nama Persatuan	Tarikh Penubuhan
1	Persatuan Pengimpot Dan Pengekspot Barang-barang Runcit	1947
2	Persatuan Peniaga-peniaga Getah	1927
3	Persatuan Saudagar-saudagar Barang-barang Runcit	1948
4	Persatuan Saudagar-saudagar Kain Dan Permata Muar	1952
5	Persatuan Saudagar-saudagar Emas	1949
6	Persatuan Peniaga Kopi	1930
7	Persatuan Perniagaan Sayur-sayuran Pasar Umum	1947
8	Persatuan Perniagaan Ubat Cina	1938
9	Persatuan Saudagar-saudagar Arak	1950
10	Persatuan Kenderaan Bebas	1946
11	Persatuan Pembinaan Muar	1949
12	Persatuan Penjaja-penjaja	1952
13	Persatuan Penyewaan Kereta	1935
14	Persatuan Guru-guru Sekolah Cina	1939
15	Persatuan Guru-guru Sekolah Menengah Cina	1963

umber : *Li Yih Yuan (1970, hal 81)*

Bil.	Nama Persatuan	Tarikh Penubuhan
<u>Kelab-Kelab</u>		
1	Kelab Xia Yong	1928
2	Kelab Jin Han	1949
3	Kelab Lou Yang	1954
4	Kelab Tou Yen	1927
5	Kelab Tong Guan	1927
6	Kelab Jiong Kiaw	1928
7	Kelab Ching Hua	1930
<u>Persatuan "Opera"</u>		
8	Persatuan Yeh Yu Lu	1941
9	Persatuan Jia Kiaw	1920
10	Persatuan Muzik Nam Ting	1954
<u>Persatuan Kebudayaan Dan Sukan</u>		
11	Persatuan Ji Zhi	1909
12	Kelab Sukan Cina	1955
13	Persatuan Bolasepak Yue Hua	1958
14	Persatuan Kesenian Chong Hua	1954
15	Persatuan Kesenian Han Chong	1957
16	Persatuan Pengkaji Kesenian	1959
17	Persatuan Bola Keranjang	1963
18	Persatuan Pelajar-pelajar Taiwan	1966

(v) Persatuan-Persatuan Keagamaan dan Kebajikan.

Menurut Li Yih Yuan (1970, : 111) terdapat 8 buah persatuan yang terbentuk diantara tahun 1926-1961 yang bertujuan kebajikan dan keagamaan. Li juga membahagikan persatuan-persatuan ini kepada 3 kumpulan yang utama iaitu:

- (i) Persatuan Buddhist
- (ii) Persatuan " Folks Religion "
- (iii) Persatuan Kristain.

2.5.(d) Persatuan Yang Keahliannya Terbuka.

Persatuan - persatuan yang terbuka keahliannya dapat dibahagikan lagi kepada dua kumpulan yang lain iaitu:-

- (i). Persatuan-persatuan yang berkaitan dengan pendidikan.
 - (ii). Persatuan-persatuan yang berkaitan dengan politik.
- (i) Persatuan-persatuan yang berkaitan dengan pendidikan.

Sekolah-sekolah Chung Hwa yang ada di bandar Muar ini adalah dibiayai oleh orang perseorangan yang kaya dan Persatuan-persatuan sukarela. Tetapi menjelang tahun 1949, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan satu perintah supaya semua sekolah rendah dan menengah Chung Hwa membentuk satu persatuan iaitu Persatuan Sekolah-sekolah Chung Hwa (1949) dan ia diletakkan dibawah kawalan kerajaan.


(ii) Persatuan -persatuan yang berkaitan dengan politik

Persatuan politik yang pertama adalah Persatuan Chung Hwa yang ditubuhkan pada tahun 1940. Persatuan Chung Hwa ini mempunyai peranan yang penting kepada masyarakat Cina di bandar Muar terutamanya dalam bidang politik dan pendidikan. Ia juga menjadi lambang kepada perpaduan orang-orang Cina yang berada di Muar pada masa itu.

Pada tahun 1946 apabila berlakunya keganasan komunis dan keadaan politik yang tidak stabil, Persatuan ini telah diubah nama menjadi Persatuan Perdagangan Chung Hwa. Walaupun nama persatuan ini telah ditukar tetapi ia masih menjadi persatuan yang terpenting .

Kegemilangan Persatuan Perdagangan Chung Hwa ini mulai merosot apabila satu pilihanraya telah dijalankan di Muar pada tahun 1955 dan pada masa yang sama satu cawangan MCA di Muar ditubuhkan. Sejak itu MCA telah mengambilalih tempat Persatuan Perdagangan Chung Hwa.

Jadual 2.8 Carta Bar Yang Menunjukkan Jenis-jenis Persatuan Sukarela Yang Terdapat Di Muar.



ber : Di sesuaikan dari jadual Li Yih Yuan (1970, hal 79 - 81)

B A B K E T I G A

PERKEMBANGAN PERSATUAN SHING AN , MUAR.

Bab ini akan menumpukan perbincangan kepada sebuah persatuan sukarela yang berasaskan dialek Heng Hua iaitu Persatuan Shing An , Muar (PSAM). Bab ini akan membuat tinjauan kepada latar belakang sejarah persatuan yang meliputi sebab penubuhannya, pengasas persatuan dan cara penubuhan. Di samping itu ia akan juga meneliti struktur organisasi, fungsi persatuan ini dan juga perhubungan PSAM dengan Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann, Malaysia. Diharap tinjauan ini dapat memberi satu gambaran yang jelas bagi menunjukkan keadaan sebuah persatuan yang di bentuk selepas Perang Dunia Kedua.

3.0. Asal usul Kumpulan Dialek Heng Hua.

Persatuan Shing An yang berada di Bandar Maharani, Muar, Johor merupakan sebuah persatuan sukarela khas untuk penduduk Cina Muar dari kumpulan dialek Heng Hua. Kumpulan dialek Heng Hua ini berasal dari wilayah Putian dan Xianyou di negeri Cina. Persatuan ini hanya ditubuhkan selepas Perang Dunia yang kedua iaitu pada tahun 1947.

Kumpulan migran-migran dialek Heng Hua ini merupakan salah satu kumpulan migran yang terakhir berhijrah ke Asia Tenggara. Moese (1979, : 39) , menerangkan mengapa orang Heng Hua ini lewat berhijrah;

" penghijrahan dari dua wilayah itu kurang berlaku kerana keadaan hidup kumpulan dialek Heng Hua ini yang baik semasa pemerintahan Manchu (Ching)." (terjemahan)

Keengganan dialek ini untuk berhijrah telah menjadikannya kumpulan dialek yang minoriti di Malaysia. Adalah dianggarkan sehingga tahun 1915 hanya terdapat lebih kurang 4000 migran dari kumpulan dialek Heng Hua ini berada di Asia Tenggara. Walaupun demikian penghijrahan ini boleh dianggap besar juga bilangannya memandangkan keluasan dua wilayah ini yang kecil berbanding dengan wilayah-wilayah kumpulan dialek lain.

3.1. Perkembangan Penubuhan Persatuan Shing An

Melalui rekod sejarah dan hasil temuramah dengan ahli-ahli persatuan, berikut adalah cerita tentang penubuhan Persatuan Shing An. Persatuan ini adalah diasaskan oleh sekumpulan ahli-ahli perniagaan yang mempunyai perniagaan yang telah mantap di sesebuah tempat. Peringkat permulaan perkembangan ini telah berlaku semasa zaman pemerintahan Jepun lagi. Tan Chee Hong seorang peniaga di bandar tersebut telah menjemput beberapa orang Cina dari kumpulan dialek Heng Hua untuk menghadiri satu forum bagi membincangkan cadangan untuk menubuhkan sebuah persatuan dialek Heng Hua. (2)

(2) Tan Chee Hong menjemput Li Swee Leng, Ong Yah Thiam, Kang

Kwang Yong, Lim Boon Tan, Goh Yong Lin, Lim Yong Lim dan Lim

Yong Hwee untuk menghadiri forum tersebut.

Hasil dari forum tersebut, mesyuarat yang pertama telah berlangsung pada 7 hb. Oktober , 1945 dimana seramai 29 orang keturunan dialek Heng Hua telah menghadiri mesyuarat tersebut dan pada masa itu juga 13 Ahli JawatanKuasa telah dilantik (3) . Akibat kejayaan dari mesyuarat yang pertama ini , mereka telah bersetuju untuk membentuk satu persatuan untuk mewakili orang-orang Cina dari keturunan dialek Heng Hua. Dalam mesyuarat yang kedua dan ketiga yang berlangsung pada 6 hb. Januari, 1946 dan 23 hb. Disember, 1947, mereka telah berusaha untuk mendapatkan lebih ramai orang Cina keturunan dialek Heng Hua untuk menjadi ahli persatuan. Atas usaha ini mereka telah berjaya mendapatkan bilangan keahlian seramai 185 dan membentuk satu badan Ahli JawatanKuasa yang di anggotai oleh seramai 24 orang. Sejak mesyuarat yang ketiga ini mereka telah membuat persiapan untuk mendaftarkan persatuan tersebut.

Menjelang tarikh 3 hb. Julai , 1948 pendaftaran Persatuan Shing An ini telah diluluskan sebagai sebuah persatuan yang berasaskan dialek yang sah dari segi undang-undang. Dengan itu satu pengundian untuk memilih Ahli JawatanKuasa Pusat telah dijalankan. Lim Boon Tan telah mendapat undi yang terbanyak dan beliau dilantik menjadi Presiden Persatuan Shing An , Muar yang pertama dan Chua Yee Su pula menjadi Setiausaha Persatuan ini. Pada masa itu persatuan ini menumpang di pejabat Persatuan Kenderaan Bebas yang terletak di No. 6, Jalan Yahya , Muar.

Hasil dari mesyuarat yang diadakan pada 4 hb. Februari , 1956 terdapat cadangan untuk menubuhkan sebuah bangunan mereka yang tersendiri. Setelah mendapat kelulusan dan persetujuan dari ahli-ahli persatuan maka usaha untuk tujuan tersebut mula dilancarkan.

Satu badan Ahli Jawatan Kuasa dibentuk untuk mengutip derma , Lim Yong Seng telah dipilih sebagai Pengerusi Jawatan Kuasa tersebut . Pada mesyuarat itu juga beliau menyeru kepada semua ahli-ahli persatuan yang hadir pada mesyuarat itu supaya menderma wang bagi mendirikan bangunan sendiri. Sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan dimana derma sebanyak \$6,300 telah berjaya dikutip.

Seterusnya pada mesyuarat yang ke tiga iaitu pada 22 hb. April, 1956. Ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat tersebut telah menderma sebanyak \$1,000 lagi. Oleh kerana peruntukan kewangan yang diperlukan adalah besar iaitu lebih kurang \$20,000 - \$30,000 maka mereka bersetuju untuk mengutip derma dari orang Cina keturunan dialek Heng Hua yang lain.

(3) Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut adalah terdiri dari Tan Chee Hong, Kang Kwang Yong, Ong Boon Swee, Tang Boon Long, Lim Boon Tan, Goh Yong Lin, Lim Yong Hwee, Chung Gek Chen, Lim Teck Yeh , Lim Yong Mu, Lee Boon Siong, Lim Yong Seng dan Sia Wen Tou.

Semasa operasi pengutipan derma itu berjalan satu konflik telah berlaku di kalangan ahli jawatankuasa persatuan itu. Punca konflik itu ialah kes ketidak jujurannya dalam menjalankan tugas pengutipan derma tersebut. Wang derma yang diterima adalah kurang jumlahnya dari wang derma yang sepatutnya diterima. Kekurangan wang derma ini telah memaksa Ahli Jawatankuasa Kutipan Derma ini mengeluarkan wang mereka sendiri untuk mengisi kekurangan tersebut.

Akhirnya konflik ini telah mengakibatkan operasi pengutipan derma ini terhenti. Maka cita-cita untuk menubuhkan bangunan persatuan mereka yang sendiri tidak tercapai.

Setelah operasi ini terhenti selama 20 tahun, pada tahun 1976 usaha-usaha untuk mendirikan bangunan sendiri telah dijalankan semula. Oleh kerana kos pembinaan telah meningkat maka dengan jumlah wang yang terkumpul dahulu, mereka hanya mampu membeli sebidang tanah seluas 7000 kaki persegi di Jalan Sulaiman.

Kekurangan sumber kewangan ini telah menyebabkan bangunan persatuan ini tidak dapat dibina. Keadaan ini disedari oleh Dato' Lim Kim Soo yang merupakan Presiden Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann, Malaysia yang beribu pejabat di Melaka. Beliau telah memberi dorongan yang kuat kepada ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Shing An untuk mengembalikan usaha-usaha pembinaan bangunan persatuan. Dengan sokongan kuat yang di berikan oleh Dato' Lim Kim Soo maka Lim Boon Siong selaku Presiden Persatuan Shing An, Muar telah menjemput

ahli-ahli persatuan seperti Lim King Kong, Tay Kim Thiong, Kwang Chee Hong, Ng Heng Ching dan Ng Choon Lim untuk membincangkan cara - cara bagi mendapatkan sumber kewangan untuk mendirikan bangunan persatuan.

Pada bulan Mac, 1979 buku resit untuk pengutipan derma telah dicetak dan pada 15 hb. Jun, 1979 pula satu mesyuarat telah diadakan untuk mengundi ahli-ahli persatuan untuk menjadi Ahli Jawatan Kuasa Pusat Persatuan Shing An. Hasil undian itu, Lee Boon Siong telah dilantik menjadi Presiden Persatuan dan bertindak selaku Presiden Kutipan Derma. Dengan segera persatuan telah menjalankan operasi mengutip derma dari ahli-ahli persatuan terutamanya dari golongan yang kaya, orang-orang dialek Heng Hua yang lain dan juga dari Persatuan-persatuan dialek Heng Hua lain yang terdapat di Malaysia.

Hasil kutipan yang didapati adalah lebih kurang \$200,000 dan dengan modal tersebut maka pada tarikh 6 hb. April, 1981 satu upacara kesyukuran telah dilakukan untuk menandakan tarikh permulaan pembinaan Bangunan Persatuan Shing An, Muar. Akhirnya pada pertengahan tahun 1983 Bangunan Persatuan Shing An yang berharga lebih dari \$ 270,000 telah siap dibina. Malangnya Lee Boon Siong selaku Presiden Persatuan ketika itu telah meninggal dunia pada 5 hb. Ogos, 1983 maka bagi mengenang jasa beliau, dewan serbaguna persatuan telah dinamakan sebagai Dewan Lee Boon Siong.

3.2. Faktor-faktor Kekurangan Maklumat Sejarah Persatuan

Persatuan ini agak baru berbanding dengan Persatuan-persatuan kumpulan dialek lain yang berada di bandar Muar tetapi pengkaji tidak mendapat banyak maklumat - maklumat tentang sejarahnya. Ini adalah disebabkan oleh faktor seperti berikut;

(i) Apakala persatuan ini mula ditubuhkan ia tidak mempunyai keahlian yang ramai dan oleh kerana tiada bangunan persatuan mereka yang sendiri maka tidak banyak aktiviti persatuan yang dijalankan.

(ii) Kepentingan menyimpan rekod - rekod sejarah tidak disedari oleh pengasasnya dan sedikit sebanyak rekod dan dokumen sejarah telah hilang semasa pemindahan pejabat persatuan yang berlaku sebanyak tiga kali. Pada mulanya persatuan ini didaftarkan ,pejabatnya adalah terletak di Jalan Yahya. Pejabatnya yang kedua pula terletak pada Jalan Meriam dan pejabat yang terakhir ialah di Bangunan Persatuan Shing An .

(iii) Pengkaji mengalami kesukaran untuk mendapatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang penting kerana kebanyakan pengasas-pengasas persatuan ini sudah meninggal dunia.

3.3. Sebab-Sebab Penubuhan Persatuan Sukarela Shing An.

Persatuan-persatuan sukarela orang Cina biasanya ditubuhkan ditempat - tempat dimana terdapatnya pengumpulan penduduk orang-orang Cina yang banyak. Orang-orang Cina di Malaysia adalah berpusat di bandar yang utama yang di tunjukkan dalam Jadual 3.1 .

Hampir setiap persatuan sukarela yang berasaskan dialek atau kedaerahan orang Cina ditubuhkan atas sebab-sebab ekonomi. Ini jelas kelihatan bahawa kebanyakan pengasas persatuan sukarela ini adalah terdiri dari golongan peniaga-peniaga. Kewujudan setengah bidang-bidang perniagaan yang dimonopoli oleh kumpulan dialek tertentu telah menyakinkan lagi tentang hubung kaitnya penubuhan persatuan dialek dengan sebab ekonomi.

Kajian oleh Cheng Lim Keak (1985, : 89 - 90) menunjukkan dengan jelas tentang penguasaan kumpulan dialek yang berlainan dengan jenis perniagaan atau ekonomi tertentu. Sebagai contoh orang Cina dari keturunan dialek Hailam menguasai kedai-kedai kopi dan bidang perniagaan restoran, kumpulan dialek Teochew pula bertumpu kepada bidang pertanian yang mempunyai penguasaan terhadap perniagaan ikan dan sayur-sayuran di pasar. Kumpulan dialek Hakka pula cenderung kepada perniagaan perubatan Cina , tekstil dan kasut. Manakala orang-orang keturunan Heng Hua pula menguasai bidang perniagaan pengangkutan seperti basikal, motor dan tayar.

ADUAL 3.1 PERKEMBANGAN PENDUDUK ORANG CINA DI PUSAT-PUSAT BANDAR UTAMA MALAYSIA.

TEMPAT	TAHUN			
	1911 - 1921	1921 - 1931	1931 - 1947	1947 - 1957
KUALA LUMPUR	7.20%	309.00%	3.60%	8.00%
PULAU PINANG	2.20%	2.10%	1.70%	2.40%
SINGAPURA	5.40%	4.40%	3.30%	5.50%
KELANG	5.20%	7.90%	3.80%	12.60%
JOHOR BAHRU	6.40%	4.00%	5.10%	9.30%
MELAKA	4.50%	2.40%	2.70%	2.80%
ALOR SETAR	8.40%	6.00%	4.70%	6.30%
KEREMBAN	9.90%	2.40%	4.00%	4.70%
TAIPING	0.80%	4.20%	2.30%	1.60%
BUTTERWORTH	0.50%	23.00%	3.60%	10.00%
BATU PAHAT	10.00%	10.80%	6.20%	5.10%
MUAR	16.80%	5.20%	3.70%	2.10%

Sumber : Li Yih Yuan (1970, hal 57)

Kepentingan faktor ekonomi telah melahirkan satu keinginan bagi kumpulan dialek-dialek tertentu untuk bersatu dan berkerjasama dalam satu pertubuhan yang besar . Pergabungan yang besar dan kukuh ini dapat mengelakkan kemasukkan kumpulan-kumpulan dialek lain ke dalam bidang-bidang perniagaan yang dikuasai oleh kumpulan mereka.

Penubuhan Persatuan Shing An bagi kumpulan dialek Heng Hua ini adalah dipengaruhi oleh perkembangan pembentukan persatuan-persatuan dialek Heng Hua lain yang terdapat di Singapura dan Malaysia. Menurut Cheng Lim Keak (1985, : 98), orang Cina kumpulan dialek Heng Hua yang mula-mula datang dari wilayah Putian dan Xianyou dihantar ke Singapura. Apabila kumpulan dialek ini sampai ke Singapura , mereka mendapati bahawa banyak peluang-peluang ekonomi telah dikuasai oleh kumpulan-kumpulan dialek yang lain.

Pada tahun 1880an, beca mula diperkenalkan di Singapura bagi menggantikan perkhidmatan pengangkutan yang lama seperti kereta kuda dan kereta lembu yang menjadi alat pengangkutan yang utama pada masa dulu. Perniagaan penarik beca ini pada mulanya di kuasai oleh kumpulan dialek Teochew dan kumpulan dialek Hokkien . Tetapi memandangkan permintaan keatas pengangkutan beca adalah tinggi dan tiadanya peluang perniagaan atau ekonomi yang lain maka mereka memberanikan diri memasuki perniagaan penarik beca. Kemasukkan kumpulan Heng Hua ini telah menimbulkan banyak persengketaan diantara 2 kumpulan penarik beca iaitu kumpulan pertama (Teochew dan Hokkien) dan kumpulan kedua (Heng Hua dan Hokchia).

Untuk memperkuat lagi kedudukan kumpulan-kumpulan tersebut mereka telah bergabung dengan masyarakat dialek masing-masing untuk membentuk kongsi gelap. Persatuan sukarela orang Cina ini sebenarnya bermula dari kongsi-kongsi gelap .

Dengan adanya kongsi-kongsi gelap tersebut maka kumpulan dialek Heng Hua akhirnya dapat menguasai perniagaan penarik beca. Perkembangan seterusnya dapat dilihat dalam Jadual 3.4 yang menunjukkan perkerjaan ahli - ahli Persatuan Shing An, dimana kumpulan Heng Hua telah berupaya menguasai bidang-bidang perniagaan sistem pengangkutan yang lain iaitu basikal, motor, perkhidmatan bas dan teksi dan lain-lain perniagaan yang bersangkutan dengan kenderaan.

Selain dari pengaruh-pengaruh luar yang melahirkan keinginan untuk membentuk persatuan sendiri , pengaruh dalaman adalah penting juga .Kedatangan migran-migran Heng Hua ini yang berusia dalam lingkungan belasan tahun merasa takut dan tertekan kerana terpaksa menyesuaikan diri dalam satu keadaan persekitaran yang asing bagi mereka. Perasaan tidak selamat ini bertambah teruk lagi apabila migran-migran ini terpaksa merebut peluang-peluang ekonomi dari kumpulan-kumpulan dialek yang lain. Dialek-dialek Cina ini tidak bersifat homogenous tetapi seakan-akan tersendiri dalam bahasa itu. Perbezaan yang amat nyata dalam bahasa pertuturan dan perkataan ini telah menyebabkan seseorang Heng Hua tidak dapat bercakap dan memahami bahasa-bahasa dialek lain seperti dialek Kantonis , Hailam , Hakka dan lain-lain. Malahan migran-migran ini telah memperkenalkan diri mereka mengikut dialek asal mereka.

Misalnya seseorang Cina akan memperkenalkan diri mereka sendiri kepada orang Cina yang lain sebagai seorang Teochew atau seorang Heng Hua.

Penubuhan Persatuan Shing An ini adalah bertujuan juga untuk menyatupadukan semua orang-orang dari kumpulan dialek Heng Hua. Oleh kerana bilangan penduduk Muar yang terdiri dari dialek Heng Hua adalah sedikit berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain maka perasaan solidariti kedaerahan kumpulan dialek ini adalah kuat. Malahan responden-responden yang merupakan migran-migran dari negeri Cina ini menyatakan bahawa mereka mengenali semua saudara-saudara Heng Hua yang berasal dari daerah atau kampung yang sama. Perasaan solidariti kedaerahan yang kuat ini telah menyebabkan mereka memanggil setiap orang Heng Hua sebagai " kai-nan" yang bermaksud saudara sendiri dalam dialek Heng Hua. Oleh itu penubuhan satu persatuan bagi mewakili mereka adalah dirasakan perlu untuk membolehkan mereka berhubung dengan kumpulan sendiri, berkerjasama dan memberi kebajikan kepada ahli kumpulan dialek ini.

3.3.(a) Prinsip Penubuhan Persatuan Shing An Dan Hubungannya Dengan Persekutuan Persatuan-Persatuan Heng Ann, Malaysia.

Pada amnya, Persatuan Shing An ini ditubuhkan untuk komuniti dialek Heng Hua di Muar. Walaupun persatuan ini adalah bertujuan untuk kumpulan dialek Heng Hua tetapi nyata bahawa terdapat juga ahli - ahli Persatuan Shing An yang

terdiri dari kumpulan dialek Hokchia. Untuk menjelaskan keadaan ini maka pengkaji akan memberi satu penghuraian ringkas mengenainya.

Kumpulan orang - orang keturunan dialek Hokchia ini adalah berasal dari wilayah Fuqing (福青) di negeri Cina. Wilayah ini terletak dibahagian utara wilayah dialek Heng Hua iaitu wilayah Putien (莆田) dan wilayah Xianyou (仙遊). Menurut cerita yang diberikan oleh responden, perhubungan yang baik di antara wilayah dialek Hokchia dan dialek Heng Hua telah wujud semenjak pemerintahan Dinasti Ming lagi. Perhubungan yang baik wujud kerana pentadbiran di kedua-dua wilayah yang berlainan dialek adalah diketuai oleh dua orang adik beradik keturunan dialek Heng Hua. Dengan itu banyak berlaku pencampuran kebudayaan, bahasa dan kepercayaan diantara kedua-dua dialek ini. Pencampuran ini telah membolehkan orang-orang kumpulan dialek Hokchia bertutur dalam dialek Heng Hua dan orang-orang Heng Hua pula boleh bertutur dalam dialek Hokchia.

Oleh kerana kedua-dua kumpulan dialek ini adalah dari kumpulan migran yang minoriti maka apabila mereka tiba ke Asia Tenggara mereka bergabung sesama sendiri supaya dapat bersaing dengan kumpulan-kumpulan dialek yang lain. Kedua-dua kumpulan ini tidak mengalami apa-apa kesukaran dalam bahasa pertuturan kerana semuanya boleh bertutur dalam dialek Heng Hua. Perhubungan yang baik ini telah menyebabkan mereka menguasai bidang-bidang perniagaan atau ekonomi yang sama. Dengan bertambah majunya perkembangan ekonomi yang

pesat maka kumpulan-kumpulan dialek Heng Hua dan Hokchia mulai membentuk prsatuan-persatuan sukarela bagi mewakili kumpulan dialek masing-masing.

Di sesuatu kawasan di mana terdapat sebilangan penduduk Cina yang banyak dari kumpulan dialek Heng Hua dan Hokchia maka mereka akan membentuk persatuan-persatuan yang berlainan. Manakala bagi sesuatu petempatan di mana terdapat bilangan penduduk Cina dari kumpulan dialek Heng Hua dan Hokchia yang sedikit maka mereka akan bergabung dalam sebuah persatuan yang berasaskan dialek Heng Hua. Nama persatuan sukarela ini yang dianggotai oleh kumpulan dialek Hokchia dan Heng Hua ini dipanggil Persatuan Hock Por Sian (福莆仙). Nama persatuan gabungan ini adalah diambil melalui nama-nama wilayah Fuqing (福青), Putian (莆田), dan Xianyou (仙遊).

Di Malaysia , semua persatuan-persatuan yang berasaskan dialek Heng Hua ini telah digabungkan dibawah satu organisasi yang diperingkat kebangsaan iaitu Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann , Malaysia. Setakat ini terdapat 28 buah persatuan sukarela yang berasaskan dialek Heng Hua ini diletakkan dibawah Persekutuan tersebut. Dari jumlah itu 7 daripadanya merupakan persatuan pergabungan antara kumpulan dialek Hokchia dan kumpulan dialek Heng Hua yang dinamakan Persatuan Hock Por Sian (福莆仙會館). Manakala persatuan-persatuan yang lain adalah untuk kumpulan dialek Heng Hua . Walaubagaimanapun keahliannya tetap dibuka untuk kumpulan dialek Hokchia. Walaupun nama persatuan-persatuan dialek Heng Hua ini nampaknya berbeda dalam tulisan

rumi seperti Persatuan Shing An ,Persatuan Hin Ann, Persatuan Hin Aun dan Persatuan Heng Ann tetapi dalam tulisan Cina pula semuanya mempunyai makna , tulisan dan pertuturan yang sama iaitu (兴安会馆).Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann, Malaysia adalah satu organisasi yang penting bagi semua persatuan dialek Heng Hua. Ia akan menganjurkan mesyuarat tahunan bagi seluruh persatuan-persatuan yang menganggotainya. Mesyuarat ini adalah amat penting kerana ia merupakan pusat perbincangan dan penetap Perlembagaan dan Peraturan semua persatuan-persatuan yang berasaskan dialek Heng Hua.Perwakilan-perwakilan dari setiap persatuan dialek Heng Hua ini akan diberikan hak mengundi bagi membuat setiap keputusan samada untuk membentuk cadangan atau sebarang pindaan yang baru.Di samping itu semua persatuan-persatuan ini perlu membayar yuran sebanyak \$80 sebulan atau \$960 setahun kepada Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann, Malaysia. *Jadual 3.2* akan menunjukkan *senarai* persatuan-persatuan dialek Heng Hua yang menganggotai Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann , Malaysia.

3.3.(b) Objektif Persatuan Shing An

Objektif semua persatuan-persatuan sukarela yang wujud di Malaysia adalah lebih kurang sama sahaja. Persatuan Shing An mempunyai 4 objektif utama iaitu untuk memupuk semangat muhibbah di kalangan ahli - ahli ; mengembangkan kebudayaan ; pendidikan ; perniagaan dan perindustrian ; membentuk satu

masyarakat yang harmoni dan memberi bantuan kebajikan kepada ahli-ahli dan akhirnya membentuk satu bahagian pemuda- pemudi untuk melatih generasi muda supaya mereka boleh menjadi bakal pemimpin melalui pelbagai aktiviti yang sihat.

Objektif pertama Persatuan Shing An iaitu untuk memupuk semangat muhibbah di kalangan orang-orang Heng Hua yang berada di bandar Muar. Dengan wujudnya persatuan ini maka orang-orang Heng Hua dapat mengenali sesama ahli kumpulan dialek sendiri, berkerjasama, bergaul dan bersatu agar dapat mengukuhkan kedudukan mereka di bandar Muar. Objektif yang kedua pula iaitu ia bertujuan untuk mengembangkan kebudayaan orang Cina supaya ia tidak lenyap dibawa oleh arus pemodenan. Objektif yang ketiga pula iaitu ia ingin meningkatkan prestasi pendidikan anak-anak dan orang-orang keturunan dialek Heng Hua. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmoni dan menjaga kebajikan ahli-ahli persatuan. Akhirnya melalui bahagian pemuda-pemudi persatuan yang dibentuk oleh Persatuan Shing An maka ia berharap dapat melatih generasi baru untuk menjadi bakal pemimpin persatuan.

Melalui objektif-objektif ini, Persatuan Shing An bukan sahaja ingin menyatupadukan orang-orang dialek Heng Hua dari peringkat bandar Muar sahaja tetapi juga di peringkat kebangsaan iaitu melalui Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann, Malaysia yang memainkan peranan yang penting dalam mengabungkan semua orang-orang dari kumpulan dialek Heng Hua di seluruh Malaysia.

Jadual 3.2 Senarai persatuan-persatuan dialek Heng Hua yang menganggotai Persekutuan Persatuan-persatuan Heng Ann , Malaysia.

<u>Negeri - negeri</u>	<u>Bandar</u>	<u>Nama Persatuan</u>
Sarawak	Kuching	Persatuan Hin Aun
	Sibu	Persatuan Hin Hua Pou Sen
		Persatuan Komuniti Tui Binn
	Miri	Persatuan Hin Ann ,Miri
Sabah	Kota Kinabalu	Persatuan Hin Ann
	Sandakan	Persatuan Hin Ann
Kedah	Alor Star	Persatuan Hock Phor Sean Kedah/Perlis
Pulau Pinang	Geogretown	Persatuan Hin Ann
Perak	Taiping	Persatuan Hin Aun
	Sitiawan	Persatuan Hin Aun ,Dinding
	Ipoh	Persatuan Hin Aun
W. Persekutuan	Kuala Lumpur	Persatuan Shing An
Pahang	Kuantan	Persatuan Hin Ann
	Brinchang	Persatuan Hin Ann Cameron Highlands
	Temerloh	Persatuan Heng Ann

<u>Negeri - negeri</u>	<u>Bandar</u>	<u>Nama Persatuan</u>
Terengganu	K. Terengganu	Persatuan Hin Ann
Kelantan	Kota Baru	Persatuan Shing Ann
Selangor	Kelang	Persatuan Hin Ann Pantai Kelang
		Persatuan Hock Poh Sien
	Kajang	Persatuan Hin Ann Ulu Langat
Negeri Sembilan	Seremban	Persatuan Shing An
	Kuala Pilah	Persatuan Hock Pou Sen
Johor	Muar	Persatuan Shing An
	Batu Pahat	Persatuan Hock Por Sian
	Kluang	Persatuan Hock Por Sian
	Segamat	Persatuan Hock Por Sian
	Johor Bahru	Persatuan Hin Ann
Melaka	Melaka	Persatuan Heng Ann

Sumber : Buku Cenderamata Persekutuan Persatuan - persatuan
Heng Ann , Malaysia. (1984, : 65 - 66)

3.3.(c) Keahlian Persatuan Shing An.


Jumlah ahli Persatuan Shing An pada masa kini ialah seramai 310 orang. Lihat Jadual 3.3 (a) yang menunjukkan bilangan agihan umur ahli persatuan dan bilangan mengikut jantina .

JADUAL 3.3 (a) AGIHAN UMUR AHLI-AHLI PERSATUAN SHING ANN DAN BILANGAN MENGIKUT JANTINA, 1989.

AGIHAN UMUR	LELAKI (BIL)	PERATUSAN (%)	PEREMPUAN (BIL)	PERATUSAN (%)
16 - 25	18	5.81%	4	1.29%
26 - 35	56	18.06%	2	0.65%
36 - 45	80	25.81%	4	1.29%
46 - 55	61	19.68%	2	0.65%
56 - 65	31	10.00%	1	0.32%
66 - 75	20	6.45%	0	0.00%
76 - 85	23	7.42%	0	0.00%
85 KE ATAS	1	0.32%	0	0.00%
TIDAK DIKETAHUI	7	2.26%	0	0.00%
JUMLAH	297.0	95.8	13.0	4.2

Sumber : Analisa Rekod Persatuan Shing Ann

Jadual 3.3 (b) Carta Bar Menunjukkan Agihan Umur Dan Jantina Ahli-ahli Persatuan Shing An



Bilangan ahli persatuan ini telah bertambah sejak penubuhannya secara rasmi pada tahun 1948 apabila persatuan ini mempunyai 185 ahli sahaja. Dari jadual ini dapat dilihat bahawa bilangan ahli - ahli Persatuan Shing An ini adalah dimonopoli oleh kaum lelaki. Ahli lelaki berjumlah 297 ahli iaitu 95.81% dari seluruhan ahli-ahli persatuan ini . Ahli perempuan hanya berjumlah 13 ahli sahaja. Disamping itu dapat dilihat juga bahawa majoriti ahli persatuan sukarela adalah dari kumpulan yang dewasa yang berumur 35 keatas . Mereka ini berjumlah 75% dari seluruh ahli yang ada.

Kekurangan ahli wanita adalah kerana oleh beberapa sebab. Pertama , mengikut tradisi, wanita tidak digalakkan aktif dalam persatuan sukarela kerana kebanyakan ahli persatuan sukarela ini terdiri dari lelaki . Adalah dianggap "tidak manis" dipandang orang jika wanita bergiat dalam persatuan ini. Sebab lain adalah seperti apabila ahli wanita ini berkahwin dengan lelaki dari kumpulan dialek lain maka anaknya tidak akan mendapat sebarang faedah dari persatuan sukarela ini seperti faedah pinjaman kewangan untuk pelajaran dan hadiah wang.

Kaum wanita juga tidak mendapat galakkan dan sokongan dari ibubapa mereka lebih-lebih lagi jika anak perempuannya masih , belum berkahwin lagi. Pandangan orang-orang Cina tua yang menganggap bahawa anak perempuan yang bersikap baik adalah dari keluarga yang kuat kawalan mereka terhadap anak-anak mereka. Maka mereka tidak menggalakkan anak-anak perempuannya untuk memasuki persatuan walaupun dia sendiri

merupakan ahli persatuan tersebut demi untuk menjaga nama baik keluarganya.

Disamping itu kaum wanita juga merasa adalah tidak perlu untuk memasuki persatuan ini kerana mereka boleh menjadi ahli persatuan secara tidak langsung melalui keahlian suaminya. Keadaan ini diperburukkan lagi dengan hubung kait persatuan ini dengan bidang-bidang perniagaan tertentu maka mereka berasa tidak sesuai dengan situasi sedemikian.

3.4. Fungsi Persatuan Shing An ,Muar.

Fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Persatuan Shing An ini tidaklah banyak ketika ia mula ditubuhkan. Ini adalah bertentangan dengan kajian oleh pengkaji lain yang mendapati bahawa persatuan sukarela ini memainkan peranan yang amat penting dalam menggalakkan kemasukan migran-migran awal ke Tanah Melayu. Selain dari itu mereka telah menyediakan tempat tinggal sementara bagi golongan migran yang baru sampai yang dipanggil sebagai "sinkeh"⁽⁴⁾. Persatuan Shing An tidak melakukan fungsi-fungsi tersebut kerana ia merupakan sebuah persatuan yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua di mana operasi penghijrahan telah dihapuskan pada 1949 oleh kerajaan negeri Cina.

Persatuan Shing An juga tidak aktif pada peringkat permulaan kerana ia masih belum mempunyai sumber kewangan yang stabil. Oleh itu tumpuan mereka adalah kepada operasi kutipan derma bagi membina sebuah bangunan persatuan yang

sendiri. Disamping itu usaha ini yang dihentikan selama 20 tahun (1956-1976) telah membantutkan lagi perkembangan persatuan ini.

Walaupun demikian Persatuan Shing An ada juga menjalankan beberapa fungsi bagi ahli-ahli persatuannya. Menurut Stephen dan Paul (1973, : 10) ,

" Immigrant trading community of Chinese ini South East Asia produced many societies because, lacking satisfying and reliable moral ties with the indigenous local community , it must create its own institutions for social control , worship, recreation and the management of external relations".

Secara umumnya , fungsi yang dijalankan oleh persatuan ini boleh dikatakan bersangkut paut dengan kehendak sosial. Ini adalah memang objektif asal persatuan adalah untuk memupuk perasaan muhibbah dikalangan ahli-ahli persatuan dan menjaga kepentingan ahli-ahlinya . Oleh itu ia bertindak sebagai perwakilan kepada masyarakat Heng Hua. Ketika itu Malaysia masih dibawah penguasaan British , oleh itu masyarakat Heng Hua mengalami perasaan tidak selamat kerana mengalami tekanan politik diantara dua kuasa iaitu kuasa British dan kuasa Melayu tempatan. Perasaan takut terhadap keselamatan mereka menjadi lebih kuat lagi apabila kebanyakan migran ini telah berminat untuk tinggal secara tetap di Malaysia dan mempunyai kepentingan ekononmi yang banyak di Malaysia. Maka persatuan ini dibentuk untuk menjadi

perwakilan mereka apabila berurusan dengan kerajaan. Persatuan Shing An akan menuntut hak - hak dan menjaga kepentingan kumpulan dialek Heng Hua ini.

Selain dari itu , ia bertindak sebagai ketua dalam kehidupan masyarakat Heng Hua di bandar Muar dimana ia menjaga hal ehwal luar setiap migran-migran ini. Konflik diantara kumpulan dialek Heng Hua dengan kumpulan dialek-dialek lain terutamanya dalam masalah perebutan bidang ekonomi dan perniagaan akan diuruskan oleh Persatuan ini. Persatuan ini akan berurus dengan persatuan dialek lain untuk mencari jalan damai bagi kedua - dua pihak.

Persatuan Shing An juga bertindak sebagai perunding dalaman bagi orang-orang Heng Hua iaitu apabila berlaku pergaduhan atau konflik diantara keluarga orang-orang Heng Hua. Persatuan Shing An akan menghantar wakil persatuan yang tua supaya nasihat darinya dapat diterima oleh ahli persatuan. Persatuan ini juga bertindak sebagai ketua pimpinan dalam masyarakat dialek Heng Hua dan ia bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah diantara ahli - ahli persatuan. Perselisihan ini sebenarnya jarang berlaku sebab mereka akan berasa malu kerana dianggap sebagai bergaduh dengan saudara sendiri.

Pada tahun-tahun 40an - 60an apabila perkahwinan masih lagi dibawah urusan ibubapa mereka .Calon -calon bakal isteri dan suami biasanya dipilih dari kelompok dialek yang sama. Dengan itu pertukaran pendapat oleh ahli-ahli persatuan adalah penting dalam pemilihan calon tersebut. Disamping itu

biasanya ahli jawatan kuasa persatuann kerap kali dijemput untuk menjadi saksi perkahwinan tersebut.

Persatuan ini juga bertindak memberi bantuan sosial kepada ahli-ahlinya apabila mereka mengalami kesusahan seperti mengalami kebakaran, kemalangan atau lain-lain malapetaka maka mereka akan diberi bantuan oleh persatuan dari segi kewangan dan perkhidmatan oleh persatuan .Ia juga membantu dalam menaja tambang balik ke Negeri Cina kepada golongan ahli-ahli persatuan yang tua dan tidak mempunyai sebarang saudara mara di Malaysia.Perkara ini biasanya dibincangkan dalam mesyuarat dan sekiranya ia diluluskan oleh persatuan maka ia terus melaksanakan tugas tersebut.

Selain itu persatuan juga membantu dalam hal kematian ahli persatuan mereka.Persatuan akan menghantar wakil untuk menghadiri upacara kematian keluarga dan ahli-ahli persatuan.Mereka akan juga memberi sekalung bunga sebagai tanda simpati dari pihak persatuan.Jika seseorang ahli persatuan menghadapi masalah kewangan yang teruk untuk membiayai segala kos upacara pengebumian tersebut maka ia boleh dirujuk kepada persatuan untuk meminta bantuan. Persatuan Shing An tidak mempunyai tanah perkuburannya yang sendiri tetapi ia boleh membantu dalam mendapatkan tanah perkuburan dari persatuan - persatuan dialek lain khususnya dari Persatuan Hokkien.

Satu lagi peranan penting yang dijalankan oleh persatuan ialah ia boleh mendapatkan perhubungan sosial dalam bidang perniagaan bagi ahli persatuan.Persatuan ini membolehkan ahli-ahli persatuan yang ingin membuka perniagaan sendiri

boleh meminta bantuan dari ahli-ahli persatuan yang telah mantap dalam perniagaan tersebut supaya mereka akan memberi sistem kredit kepada ahli - ahli yang baru menjalankan perniagaan tersebut. Konsep yang dijalankan oleh ahli-ahli persatuan adalah "Hsin Yong" yang bermaksud boleh dipercayai. Konsep ini adalah satu konsep yang penting dalam sistem perniagaan orang-orang Cina. Apabila seseorang itu merupakan seorang yang boleh dipercayai maka nama baiknya akan dikenali oleh semua ahli persatuan.

Di samping itu boleh dikatakan kumpulan dialek Heng Hua ini mengkhususkan dalam beberapa jenis perniagaan terutamanya yang berkaitan dengan pengangkutan. Bidang-bidang tersebut adalah seperti perniagaan basikal, tayar, motorsikal dan lain lagi termasuklah perniagaan tukang gunting rambut. Orang-orang Heng Hua akan menghantar anak-anak mereka untuk bekerja di syarikat-syarikat kepunyaan ahli persatuan yang mempunyai perniagaan tersebut untuk mempelajari selok belok perniagaan itu. Peniaga-peniaga Heng Hua pula lebih suka mengambil pekerja dari kelompok sendiri supaya kemahiran itu tidak terlepas kepada tangan kumpulan dialek yang lain . Oleh itu dapat dilihat dalam Jadual 3.4 yang menunjukkan perkerjaan ahli-ahli persatuan .

3.5. Rumusan

Walaupun fungsi yang dijalankan oleh persatuan tidak begitu banyak pada mulanya tetapi apabila penubuhan bangunan persatuan mereka sendiri pada tahun 80an dapat dilihat

bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Persatuan adalah bertambah maju dan menarik dengan kemunculan aktiviti-aktiviti baru yang sebelum ini tidak dapat dijalankan oleh persatuan. Perkembangan baru ini akan di perbincangkan dalam Bab 4 iaitu Persatuan Shing An pada tahun 80an.

Universiti Malaya

Bil.	Jenis Pekerjaan	Jumlah Ahli	Peratus (%)
1	Peniaga Tayer	37	11.9%
2	Peniaga Basikal	40	12.9%
3	Peniaga Motosikal	22	7.1%
4	Peniaga Alat Ganti Motor	18	5.8%
5	Tukang Gunting Rambut	33	10.6%
6	Peniaga Barang-barang Letrik	11	3.5%
7	Peniaga Perabut Dan Basikal	6	1.9%
8	Peniaga Perabut Dan Letrik	7	2.3%
9	Peniaga Barang Letrik Dan Basikal	2	0.6%
10	Peniaga Petrol	3	1.0%
11	Peniaga Gas	1	0.3%
12	Peniaga Ikan	3	1.0%
13	Peniaga Perabut	2	0.6%
14	Peniaga Jenis Lain	15	4.8%
15	Akauntan	1	0.3%
16	Doktor	1	0.3%
17	Kerani	4	1.3%
18	Guru	4	1.3%
19	Penjaja	1	0.3%
20	Jurujuol	1	0.3%
21	Pembantu Kedai	27	8.7%
22	Buruh Biasa	13	4.2%
23	Juru Gambar	5	1.6%
24	Pemandu Teksi Dan Bas	16	5.2%
25	Tukang Jahit	1	0.3%
26	Pembaiki Motor	3	1.0%
27	Pengurus	1	0.3%
28	Tidak Berkerja	12	3.9%
29	Tidak Di ketahui Pekerjaan	20	6.5%
	Jumlah	310	100.0%

PERSATUAN SHING AN PADA TAHUN 80an

Bab ini akan meninjau perkembangan Persatuan Shing An pada tahun 80an . Ia adalah bertujuan juga untuk menunjukkan bahawa persatuan sukarela ini adalah satu "adaptive mechanism" dimana terdapatnya perubahan - perubahan yang berlaku pada fungsi, struktur dan pengenalan peranan baru yang telah dijalankan oleh Persatuan Shing An . Aspek kemasukan ahli persatuan ini juga akan dikaji di samping melihat penglibatan ahli persatuan dan sambutan ahli terhadap aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Shing An.

4.1. Perkembangan Persatuan Shing An Pada Tahun 80an.

(a) Kemajuan Dalam Bangunan Persatuan .

Tahun-tahun 80an merupakan era baru bagi Persatuan Shing An. Dengan terdirinya bangunan persatuannya yang sendiri pada tahun 1983 maka banyakkah aktiviti yang dapat dijalankan olehnya. Bangunan Persatuan Shing An terdiri dari 4 tingkat . Bahagian bawah bangunan adalah ruang kedai yang disewakan kepada orang lain untuk menjalankan perniagaan .Tingkat kedua pula iaitu terdapat sebuah dewan serbaguna yang di kenali juga sebagai Dewan Lee Boon Siong.Di tempat yang sama terdapat juga 2 buah bilik pejabat dimana satu bilik telah digunakan sebagai bilik pejabat Persatuan Shing An dan satu lagi disewakan kepada Persatuan Kenderaan Bebas.Di dalam

dewan ini kelihatan juga beberapa meja mahjong , sebuah meja ping pong, meja mesyuarat, sebuah organ dan juga peralatan - peralatan Persatuan yang lain termasuklah meja dan kerusi.Boleh dikatakan bahawa hampir semua aktiviti Persatuan diadakan di dalam tingkat dua ini.(Lihat Gambar 1 , 2 dan 3)

Gambar 1

Pemandangan Luar Bangunan Persatuan Shing An



麻坡興安會館
SHING AN ASSOCIATION

Gambar 2 dan 3

Suasana Dalam Bangunan Persatuan Shing Ann



Tingkat 3 pula merupakan bilik tumpangan Persatuan Shing An. Ia mempunyai sembilan buah bilik tumpangan untuk di sewakan kepada ahli persatuan dan juga orang Heng Hua yang lain-lainnya. Ia juga menyediakan satu bilik rihat yang siap dengan set sofa dan televisyen untuk kegunaan penyewa - penyewa bilik tersebut. (Lihat gambar 4 dan 5)

Bahagian atas bangunan ini telah di ubahsuaikan untuk ahli persatuan menyembah Dewa - Dewi. Persatuan Shing An ini menyembah 3 dewa - dewi iaitu Dewi Mazu, Dewa San Yi Chiou Chu dan Dewa Tua Peh Kong. Dewi Mazu telah menjadi " Patron God " orang - orang keturunan dialek Heng Hua kerana dipercayai Dewi ini berasal dari Daerah Putian iaitu daerah asal keturunan orang dialek Heng Hua.

(b) Perlembagaan dan Peraturan Persatuan Shing An

Persatuan Shing An masih menggunakan perlembagaan dan peraturan yang sama sejak Perlembagaan dan Peraturan Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann , Malaysia diluluskan di mesyuarat agung pertama yang berlangsung pada 30 hb. Julai, 1972. Sebarang perubahan dalam Perlembagaan dan peraturan persatuan akan di bincangkan dalam mesyuarat tahunan mereka. Persatuan Shing An akan menghantar wakil-wakil persatuan untuk menghadiri mesyuarat tahunan Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann, Malaysia yang di adakan pada tiap - tiap tahun . Semua ahli Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann ini akan menjadi tuan rumah mesyuarat

agung tahunan secara bergilir - gilir . Persatuan Shing An Bandar Maharani , Muar ini juga pernah menjadi tuan rumah mesyuarat agung tahunan Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann , Malaysia yang dijalankan pada tahun 1986. Pada mesyuarat agung tahunan 1986 ini bangunan Persatuan Shing An ini dibuka dengan rasmi.

Setiap perubahan dan cadangan dari setiap persatuan yang menjadi anggota Persekutuan Persatuan -persatuan Heng Ann akan di bawa kepada mesyuarat agung tahunan untuk di bincangkan dan untuk di luluskan. Setiap usul akan di undi secara adil oleh setiap wakil - wakil tersebut . Hasil mesyuarat agung tahunan yang di adakan pada 21 hb. Oktober, 1988 para perwakilan telah bersetuju untuk menambahkan objektif dalam Perlembagaan dan Peraturan Persekutuan seperti berikut:

Perkara 3 (F)

Untuk membentuk satu ibu pejabat Bahagian Wanita bagi mengalakkan penubuhan Bahagian Wanita di setiap Persatuan - persatuan Heng Ann yang terdapat di Malaysia . Pembentukan ini dapat mengumpulkan setiap ahli wanita dalam menjalankan berbagai-bagai aktiviti untuk menaikkan status wanita dalam persatuan dan seterusnya untuk membantu memajukan persatuan . (4)

(4)

Terjemahan penulis dari bahasa Inggeris .

Penambahan objektif ini dalam Perlembagaan dan peraturan adalah kerana kekurangan ahli Persatuan - persatuan dialek Heng Hua yang terdiri dari kaum wanita. Walaupun objektif ini telah diluluskan pada tahun 1988 tetapi kesannya mungkin mengambil masa yang lama kerana adalah sukar untuk mengubah sikap dan tradisi orang Cina.


(c) Keahlian

Keahlian Persatuan Shing An telah di buka kepada semua orang-orang keturunan dialek Heng Hua yang menetap di daerah Muar dan telah mencapai umur 18 tahun ke atas. Terdapat dua jenis bentuk keahlian dalam Persatuan Shing An iaitu Keahlian Biasa dan Keahlian Seumur Hidup.

Pada peringkat awal penubuhan Persatuan Shing An pada tahun 1948 , ia hanya menerima bayaran yuran keahlian biasa sebanyak \$ 1.00 bagi golongan ahli -ahli yang terdiri dari peniaga - peniaga dan bayaran \$ 0.50 bagi kumpulan pekerja - pekerja biasa. Bayaran yuran ini akan di kutip tiap - tiap bulan oleh wakil persatuan. Kadar bayaran yuran ini kemudiannya di tambah pada tahun 70an menjadi \$ 3.00 atau \$ 2.00 kepada golongan ahli yang berpendapatan tinggi dan \$1.00 kepada golongan ahli yang tingkat pendapatannya rendah . Tetapi menjelang tahun - tahun 80an Persatuan Shing An mula memperkenalkan keahlian seumur hidup dengan bayaran yuran sebanyak \$ 100.00 sekaligus . Tindakan ini telah dimulakan kerana pengutipan bayaran yuran sebulan demi sebulan memakan masa dan tenaga yang banyak.

Pengkaji juga mendapati bahawa sejak tahun - tahun 80an ini Persatuan Shing An kini lebih suka menerima keahlian baru yang terdiri dari jenis keahlian seumur hidup .Persatuan Shing An juga memperkenalkan skim bayaran ansuran untuk keahlian seumur hidup supaya tidak menyusahkan ahli - ahli persatuan untuk membayar \$ 100.00 sekaligus.Bayaran keahlian seumur hidup akan di kutip secara ansuran sebanyak \$ 20.00 atau \$ 50.00 sebulan mengikut kemampuan ahli-ahli persatuan. Setelah bayaran yang dikutip telah mencapai jumlah \$ 100.00 maka ahli-ahli itu akan di beri satu kad keahlian seumur hidup seperti contoh dibawah.

Kad Keahlian Seumur Hidup Persatuan Shing An , Muar



Sejak tahun 1980 - 1988 Persatuan Shing An menerima sebanyak 110 ahli - ahli persatuan yang baru.Di samping itu persatuan Shing An juga mengadakan kempen - kempen mengajak dan menjemput orang - orang Heng Hua yang lain yang masih belum memasuki Persatuan Shing An untuk menjadi ahli persatuan.Kempen ini juga di tujukan kepada anak - anak ahli

persatuan yang lama yang masih belum menjadi ahli persatuan. Pada tahun 1985 , Persatuan Shing An ini telah mencadangkan untuk membentuk Bahagian pemuda - pemudi Persatuan Shing An. Pembentukan ini mungkin tidak akan berjaya jika kempen pada tahun 1985 untuk menjemput keahlian baru dilancarkan. Pada tahun itu sahaja ia telah menghasilkan keahlian baru sebanyak 77 orang . Dengan penambahan ahli - ahli baru yang muda ini , ia telah membolehkan Bahagian Pemuda-pemudi di bentuk pada tahun 1986.

Kempen - kempen yang di anjurkan oleh Persatuan Shing An walaupun telah mencapai matlamatnya untuk mendapatkan ahli-ahli persatuan yang baru tetapi kempen ini akan menjadi lebih berjaya sekiranya semua anak ahli - ahli persatuan ini turut menjadi ahli persatuan yang baru. Berikut adalah 3 kes yang di dapati dari temuramah dengan beberapa responden.

Kes 1

A mempunyai 9 orang anak tetapi hanya seorang sahaja dari anaknya yang menjadi ahli Persatuan Shing An .Bila di tanya mengapa hanya seorang sahaja anak beliau yang menjadi ahli persatuan , A menyatakan bahawa anak - anaknya yang besar adalah terdiri dari anak perempuan. A tidak begitu setuju untuk menyuruh anak - anak perempuannya memasuki persatuan kerana di anggap tidak sopan dilihat orang anak perempuannya bergaul dengan ahli -ahli lelaki persatuan. Dan sekiranya anak perempuannya berkahwin dengan keturunan dialek lain maka anak - anak mereka tidak akan menikmati faedah - faedah dan bantuan sosial dari Persatuan Shing An.

Kes 2

B mempunyai 5 orang anak tetapi seorang sahaja anaknya yang turut memasuki persatuan walaupun ke semua anak -anaknya mencapai umur 18 tahun ke atas. B menyatakan cukuplah seorang sahaja anaknya menjadi ahli ; anak itu boleh menjadi wakil kepada semua adik beradik mereka yang lain .B menambah lagi seorang sahaja sudah memadai untuk menjaga nama baik keluarga.

Kes 3

C mempunyai tiga orang anak tetapi tiada seorang sahaja pun anaknya menjadi ahli persatuan .C menyatakan bahawa semua anak -anaknya tidak mempunyai minat kepada persatuan sukarela Cina yang di anggap tidak sesuai untuk generasi muda yang berpendidikan Inggeris.

Pengkaji juga mendapati beberapa sebab utama kemasukan ahli - ahli Persatuan Shing An. (Lihat Jadual 4.1)

Jadual 4.1 Menunjukkan sebab - sebab utama

kemasukan Persatuan

Sebab - sebab kemasukan	Bilangan / Peratusan (N) (%)
1. Untuk menghidupkan perpaduan persaudaraan antara orang - orang Heng Hua.	16 (28.6%)
2. Untuk mendapatkan faedah - faedah sosial dan kebajikan Persatuan	18 (32.2%)
3. Minat pada kegiatan Persatuan	7 (12.5%)
4. Dijadikan ahli persatuan oleh ibubapa atau saudara semasa kempen	5 (8.9%)
5. Masuk persatuan atas sebab banyak saudara dan kawan yang turut menjadi ahli Persatuan	6 (10.7%)
6. Lain - lain termasuklah aktiviti ugama dan hubungan perniagaan.	4 (7.1%)
Jumlah	<hr/> 100% <hr/>

Sumber : Sample Kajian Luar

N responden adalah 46 orang

N jawapan adalah 56 kerana sebilangan responan memberi lebih dari satu jawapan.

Dari jadual 4.1 , di lihat ramai ahli - ahli memasuki persatuan kerana mengetahui bahawa persatuan - persatuan sukarela masih mampu memberi faedah sosial kepada ahlinya. Walaupun Persatuan sukarela ini masih memainkan peranan penting dalam masyarakat Cina tetapi setengah orang Cina masih belum memasuki persatuan .Hal seperti ini juga didapati oleh Carstens dalam kajian beliau di Singapura seperti berikut,

" It was generally agreed by the leaders of the clan and district associations that for most households, the senior male represents the family. Thus a son will not join until the death of his father " (Carstens, 1975 : 7).

(d) Kewangan Persatuan.

Sejak tahun 80 an ini kedudukan kewangan Persatuan Shing Ann telah menjadi mantap . Walaupun sejumlah wang yang besar telah di gunakan untuk pembinaan bangunan persatuan tetapi pada perhitungan jangka panjang , bangunan ini mendatangkan pelbagai pendapatan bagi Persatuan Shing An .

Pendapatan Persatuan Shing An boleh di dapati dari pelbagai sumber. Sumber yang penting adalah melalui derma dari ahli persatuan yang kaya. Derma persatuan boleh lagi di dapati dari pelbagai organisasi luar yang turut menderma kepada persatuan . Kadang kala Persatuan Shing An juga menerima derma dari perkahwinan ahli persatuan semasa kenduri majlis perkahwinan itu berlangsung dan juga derma dari ahli

persatuan yang meninggal dunia. Pemberian derma ini biasanya diberikan oleh keluarga si mati kepada wakil persatuan yang datang memberi tanda hormat terakhir kepada si mati sebelum perarakan ke tanah perkuburan bermula. Selalunya pemberitahuan awal hasrat ahli atau keluarga ahli persatuan yang ingin menderma wang kepada Persatuan Shing An akan dilakukan. Dengan itu apabila tarikh perkahwinan atau masa pengebumian itu tiba, persatuan akan menghantar wakil persatuan untuk menerima derma tersebut. Wakil-wakil tersebut biasanya adalah terdiri dari Ahli Jawatan Kuasa Pusat Persatuan.

Sumber yang lain termasuklah dari penyewaan harta benda Persatuan seperti sewa dari tingkat bawah bangunan, hasil keuntungan persatuan melalui sewaan bilik tumpangan Persatuan yang terletak di tingkat 3, penyewaan dewan bangunan persatuan untuk mengadakan apa - apa kenduri dan peralatan-peralatan yang lain seperti meja dan kerusi persatuan.

Satu sumber lain adalah melalui derma - derma yang di kutip semasa perayaan - perayaan tertentu seperti sambutan Hari Lahir Dewi Mazu dan jamuan makan tahunan persatuan. Sumber kewangan dari yuran - yuran keahlian persatuan juga penting bagi persatuan.

Semua hasil pendapatan persatuan yang diperolehi ini akan membantu membiayai segala kos dan perbelanjaan persatuan. Hasil pendapatan yang berlebihan ini akan membolehkan Persatuan Shing An menjalankan lebih banyak aktiviti - aktiviti bagi ahli - ahli persatuan. Pendapatan ini juga

mbolehkan persatuan menjalankan lebih banyak kegiatan agama dan kebajikan ahli - ahli persatuan .Sumber kewangan yang berterusan ini dapat menjamin kewujudan persatuan ini .

4.2. FUNGSI YANG DI MAINKAN OLEH PERSATUAN SHING AN

Sebahagian dari fungsi - fungsi lama yang di jalankan oleh persatuan masih lagi dijalankan oleh Persatuan Shing An , sementara yang lainnya telah dihapuskan kerana ahli - ahli persatuan tidak lagi memerlukannya.Contoh fungsi yang tidak diteruskan ialah mendapatkan kerakyatan dan pekerjaan bagi ahli-ahli .

Walaupun demikian Persatuan Shing An ini tetap kekal dalam menjaga hak dan melindungi ahli - ahlinya . Sejak Persatuan Shing An ini mempunyai bangunannya yang sendiri, ia juga telah memperkenalkan beberapa fungsi yang baru.Ahli Jawatankuasa Pusat dan Ahli Jawatankuasa Bahagian Pemuda - pemudi merupakan tulang belakang pengerak aktiviti dan fungsi Persatuan Shing An.

(a). Fungsi Ugama

Sejak tahun 1985 tingkat atas bangunan persatuan telah di gunakan sebagai tempat penyembahan bagi ahli -ahli persatuan dan juga kepada orang - orang Heng Hua yang lain.Ahli - ahli Persatuan Shing An menyembah 3 dewa - dewi iaitu Dewi Mazu , Dewa San Yi Chiou Chu dan Dewa Tua Peh Kong.(lihat gambar 6)

Persatuan Shing An hanya meraikan hari lahir Dewi Mazu sahaja. Ini adalah disebabkan kos untuk sesuatu perayaan akan melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi. Hari lahir Dewi Mazu jatuh pada hari ke 23 bulan ketiga tahun lunar Cina. Perayaan ini diadakan pada waktu malam untuk membolehkan ramai ahli - ahli persatuan yang terdiri dari golongan peniaga - peniaga menyertai perayaan tersebut.

Perayaan ini di mulakan dengan pemujaan dan penyembahan oleh ahli - ahli persatuan . Penyembahan makanan juga disediakan oleh persatuan dan juga oleh ahli - ahli persatuan yang turut bersama - sama meraikan hari lahir Dewi Mazu. Selepas upacara ini tamat satu kutipan derma akan dilakukan . Derma ini adalah bertujuan untuk penjagaan dan pemeliharaan tempat sembahyang dewa - dewi itu.

Upacara ini melibatkan ramai ahli - ahli persatuan . Tetapi yang jelas kelihatan adalah bahawa kebanyakan mereka adalah terdiri dari golongan dewasa dan tua sahaja. (lihat gambar 7 dan 8)

(b) Jamuan - jamuan makan Persatuan Shing An.

Seperti biasa tiap - tiap tahun selepas perayaan hari lahir Dewi Mazu , keesokannya pula akan diadakan jamuan makan tahunan Persatuan Shing An (Annual Dinner) . Jamuan makan tahunan ini hanya mula diadakan selepas Bangunan Persatuan ini didirikan pada 1983.

Jamuan makan tahunan ini melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi , oleh itu Persatuan Shing An mengenakan bayaran

kepada ahli - ahli persatuan yang menghadiri jamuan tahunan itu. Walaubagaimanapun kadar bayaran itu adalah rendah dan ia tidak dapat menampung segala kos tersebut. Kadar bayaran untuk seseorang individu adalah sebanyak \$ 15.00, bagi pasangan suami isteri pula bayaran yang dikenakan adalah \$ 20.00 manakala bagi kanak - kanak pula adalah sebanyak \$ 5.00 sahaja.

Jamuan makan tahunan ini di raikan dengan meriah dan bilangan ahli - ahli persatuan yang datang adalah ramai. (Lihat gambar 9). Jamuan ini dimulakan dengan ucapan - ucapan dari pemimpin persatuan dan kemudiannya di sertai dengan persembahan nyanyian lagu oleh ahli-ahli persatuan yang terdiri dari Bahagian Pemuda-Pemudi . Kadang - kala persatuan juga ada menjemput penyanyi - penyanyi undangan untuk membua persembahan pada malam itu.

Disamping jamuan makan tahunan yang diadakan tiap - tiap tahun , diadakan juga jamuan makan tiap - tiap dua tahun sekali untuk meraikan ahli persatuan dan anak ahli persatuan yang tamat dan lulus pengajian mereka di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri. Persatuan Shing An ada menyimpan rekod mahasiswa - mahasiswi yang telah tamat pengajian mereka dan setiap ahli persatuan atau anak ahli ini dikehendaki mendaftarkan diri di pejabat Persatuan Shing An supaya persatuan dapat menjemput mereka kelak. Oleh kerana motif jamuan ini adalah untuk meraikan mahasiswa-mahasiswi yang terdiri dari ahli - ahli persatuan dan anak ahli persatuan maka tiada bayaran yang di kenakan .

(c) Peranan Persatuan Shing An Dalam Pelajaran.

Masyarakat Cina Feudal memandang tinggi kepada golongan terpelajar . Oleh itu golongan terpelajar ini mendapat status yang tinggi lebih - lebih lagi apabila seseorang terpelajar lulus dalam peperiksaan " Imperial Degree " maka ia akan mendapat penghormatan yang amat tinggi dan mengharumkan nama kampung asal pelajar tersebut. Seseorang pelajar yang lulus peperiksaan " Imperial Degree " ini akan diraikan secara besar - besaran dan mereka akan menaikkan taraf kumpulan dialek masing - masing . Mana - mana kumpulan dialek yang mempunyai bilangan pelajar yang lebih banyak akan bermakna kumpulan yang lebih pandai dan lebih kuat pengaruh mereka. Ini terbukti dengan tulisan sejarah Cina yang menyatakan salah satu daripada hukuman yang dikenakan kepada sesuatu wilayah atau daerah yang menimbulkan kekacauan dalam negara ialah menghalang golongan terpelajar mereka dari menduduki peperiksaan " Imperial Degree " .

Kepentingan dalam bidang pelajaran ini juga ditekankan oleh hampir semua persatuan - persatuan sukarela yang wujud di Malaysia . Persatuan Shing An juga memandang penting terhadap pelajaran ahli persatuan dan anak - anak ahli persatuan. Perlembagaan dan Peraturan Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann , Malaysia juga menekankan kepentingan pelajaran ahli dan anak ahli persatuan.

Persatuan Shing An telah menjalankan beberapa usaha dalam meningkatkan mutu pelajaran ahli dan anak mereka. Dalam usaha membantu ahli persatuan yang ingin melanjutkan pelajaran mereka samada di dalam negeri atau luar negeri , Persatuan Shing An akan membantu mereka ini mendapatkan pinjaman kewangan yang di kenali sebagai " The Federation of Heng Ann Association / Malaysia Varsity Scholarship Loan Fund." Pinjaman kewangan ini dikendalikan oleh Persekutuan Persatuan - Persatuan Heng Ann , Malaysia.

Objektif utama pinjaman kewangan ini adalah untuk menggalakkan dan membantu ahli persatuan yang tidak kemampuan untuk meneruskan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri. Beberapa syarat juga dikemukakan kepada setiap pemohon pinjaman itu. Syarat-syarat tersebut adalah seseorang pemohon mestilah merupakan ahli persatuan dialek Heng Hua yang merupakan anggota Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann , Malaysia. Syarat lain termasuklah seseorang itu mesti mempunyai latar belakang pelajaran yang baik dan berpendapatan rendah.

Jumlah pinjaman kewangan yang dikeluarkan oleh " The Federation of Hin Ann Association / Malaysia Scholarship Loan Fund " ini bernilai \$ 2000.00 setahun untuk pelajar - pelajar yang berada di dalam negeri , manakala bagi pelajar luar negeri pula jumlah penuh yang akan diberikan adalah berjumlah \$ 12,000.00.

Di samping itu , ahli dan anak ahli persatuan yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi mereka boleh mendapatkan bantuan

ahli persatuan yang kaya dan juga merupakan ahli jawatan kuasa persatuan untuk menjadi " gurantor " atau penjamin bagi pinjaman kewangan dari badan - badan kewangan . Walaubagaimanapun kesanggupan mereka untuk menjadi penjamin kepada ahli atau anak ahli persatuan bergantung kepada hubungan " gan ching " (hubungan erat) dan " hsin yong " (Kepercayaan) mereka terhadap ahli - ahli dan ibubapa ahli persatuan tersebut.

Selain itu , Persatuan Shing An juga ada memberikan hadiah kewangan bagi anak - anak ahli persatuan yang mencapai keputusan akademik yang baik.Cadangan untuk memberi hadiah kewangan ini telah diluluskan pada tahun 1987 tetapi pemberian hadiah kewangan yang pertama hanya dijalankan pada tahun 1988 dan kedua pada tahun 1989.Hadiah - hadiah wang ini adalah sebagai pendorong untuk menggalakkan pelajar - pelajar sekolah mendapat keputusan pelajaran yang baik di samping menarik lebih ramai ahli persatuan yang baru.Hadiah kewangan ini amat memberangsangkan pelajar - pelajar sekolah meningkatkan prestasi keputusan akademik mereka.Lihat Jadual 4.2 yang menunjukkan Nilai Hadiah Kewangan Mengikut Tingkat Persekolahan dan Jadual 4.3 yang menunjukkan Peningkatan Penerima - penerima Hadiah Kewangan Dengan Melihat Perbandingan Antara Tahun 1988 dan 1989.

**Jadual 4.2. Nilai Hadiah Kewangan Mengikut
Tingkat Persekolahan**

Tingkat Persekolahan	Nilai Hadiah Kewangan
Darjah 1 - 3	\$15.00
Darjah 4 - 6	\$20.00
Tingkatan Peralihan - Ting. 3	\$30.00
Tingkatan 4 - Tingkatan 5	\$40.00
Tingkatan 6	\$50.00

**Jadual 4.3 Peningkatan Penerima Hadiah Kewangan
(Tahun 1988 dan 1989)**

Tingkat persekolahan	Tahun 1988		Tahun 1989		% Kenaikan
	Bilangan	%	Bilangan	%	
Darjah 1 - 3	11	38%	18	62%	24%
Darjah 4 - 6	13	42%	18	58%	16%
Ting. Peralihan - 3	15	47.7%	21	58.3%	16.6%
Ting. 4 - 5	5	31.3%	11	68.7%	37.4%
Ting. 6	-	0%	3	100%	100%

Sumber : Analisa rekod Persatuan Shing An

Peningkatan dalam bilangan penerima - penerima hadiah kewangan bererti juga kenaikan dalam jumlah pemberian wang iaitu dari jumlah \$ 1075.00 meningkat menjadi \$ 1850.00 .

(d) Peranan Persatuan dalam menyediakan Kemudahan - kemudahan kepada Ahli - ahli Persatuan

Satu lagi fungsi persatuan adalah dalam penyediaan kemudahan - kemudahan kepada ahli - ahli persatuan .Kemudahan yang dapat di berikan adalah seperti memberi diskuan dalam segala penyewaan hak milik Persatuan . Persatuan Shing An memberi potongan harga sebanyak 50% kepada ahli persatuan yang menyewa bilik - bilik tumpangan Persatuan Shing An iaitu dari harga asal bilik besar \$20.00 menjadi \$10.00 manakala bagi bilik sederhana pula dari harga \$15.00 menjadi \$7.50 sahaja.Ahli - ahli persatuan juga boleh menyewa Dewan Lee Boon Siong untuk mengadakan jamuan atau kenduri perkahwinan dengan sewaan yang lebih rendah berbanding dengan sewaan yang dikenakan kepada orang luar.(Lihat perbandingan ini di Jadual 4.4)

Jadual 4.4 Perbezaan harga sewaan Dewan Persatuan Shing An kepada ahli persatuan dan bukan ahli persatuan

JENIS BAYARAN	Ahli Persatuan	Bukan Ahli Persatuan
1. Sewa Dewan	\$70.00	\$150.00
2. Bayaran Cuci Dewan	\$40.00	\$ 40.00
3. Penggunaan Speaker	percuma	\$ 30.00
4. Meja dan kerusi (1 set \$2.00 : 1 meja dan 10 kerusi) Andaikan guna 10 set	percuma	\$20.00
5. Lampu dan kipas	percuma	percuma
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH	\$110.00	\$240.00
	<hr/>	<hr/>

Sumber : Kerjalar

Peranan dan Fungsi Yang Dijalankan Oleh Bahagian Pemuda-Pemudi.

Bahagian Pemuda - pemudi Persatuan Shing An telah dibentuk pada tahun 1986. Ia juga sebahagian dari Ahli Jawatan Kuasa Persatuan yang menjalankan pelbagai aktiviti dan fungsi untuk persatuan. Objektif pembentukan bahagian pemuda - pemudi ini adalah untuk melatih ahli - ahli persatuan yang muda sebagai pengganti pemimpin persatuan yang akan bersara.

(e) Perayaan

Satu tanggungjawab yang diambil oleh Ahli Jawatankuasa Bahagian Pemuda - pemudi Persatuan Shing An adalah untuk mengadakan perayaan orang Cina. Perayaan ini disambut oleh Persatuan supaya tradisi orang Cina tidak dilupai dan mengekalkan identiti mereka. Perayaan yang sedemikian membolehkan ahli persatuan berinteraksi dan mengeratkan perhubungan di antara mereka.

Persatuan Shing An meraikan Perayaan " Chung Chiu Chieh " atau lebih dikenali sebagai Malam Tanglung yang jatuh pada hari ke 15 bulan kelapan tahun lunar Cina. Perayaan yang pertama telah diraikan pada tahun 1987. Sambutan yang baik daripada ahli - ahli persatuan telah menjadikan perayaan ini sebagai aktiviti tahunan. Perayaan ini dijalankan dengan mengadakan pelbagai aktiviti permainan. Pergaulan sosial ini memupuk perpaduan di antara ahli persatuan dan meluaskan perhubungan di kalangan orang Heng Hua.

(f) Aktiviti -aktiviti yang lain

Aktiviti - aktiviti lain yang dijalankan oleh bahagian pemuda - pemudi ini adalah seperti menganjurkan latihan nyanyian lagu - lagu pop dan " Tai-chi " (Chinese Art of Defence) untuk ahli-ahli persatuan. Latihan nyanyian ini diadakan pada tiap - tiap hari Jumaat pada pukul 9.00 malam dan latihan seni " Tai - chi " (Chinese Art of Defence) diadakan 2 kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Jumaat jam 7.00 malam.

Di samping itu Bahagian Pemuda - pemuda ini juga menghantar perwakilan untuk menghadiri Mesyuarat Tahunan Bahagian Pemuda - pemuda Persekutuan Persatuan - persatuan Heng Ann. Ia juga mengadakan pelbagai pertandingan seni lukis dan seni tulisan Cina.

Sebenarnya Bahagian Pemuda-pemudi ini ingin menambahkan lagi aktiviti mereka tetapi memandangkan bilangan ahli persatuan yang terdiri dari golongan muda yang berumur 30 tahun ke bawah adalah sedikit dan kadar penyertaan yang rendah dari ahli persatuan terhadap aktiviti persatuan maka aktiviti lain yang lebih aktif seperti pembentukan pasukan bola keranjang dan ping pong tidak dapat dibentuk.

(g) Tambahan

Aktiviti interaksi antara ahli-ahli persatuan yang dijalankan oleh persatuan ini membolehkan mereka dapat bertukar maklumat. Maklumat ini termasuklah pasaran perniagaan, pasaran saham dan juga mengenai peribadi seseorang. Maklumat mengenai sikap seseorang adalah penting bagi seseorang peniaga untuk membuat keputusan samada seseorang itu boleh dipercayai untuk diberi kredit atau menjadi rakan kongsi perniagaan. Oleh itu boleh dikatakan pelbagai aktiviti , pergaulan sosial dan jamuan makan yang dianjurkan memberi faedah dari segi ekonomi .

4.3 Penglibatan Ahli Persatuan Dalam Aktiviti Persatuan

Penglibatan ahli Persatuan Shing An dalam aktiviti - aktiviti yang dijalankan adalah tidak memuaskan. Dari pemerhatian pengkaji, didapati bahawa setengah - setengah aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan yang baik manakala yang lainnya pula mendapat sambutan yang kurang memuaskan.

Sambutan yang baik dapat dilihat didalam penglibatan ahli - ahli semasa aktiviti tahunan iaitu Perayaan Malam Tanglung ,Jamuan Makan Tahunan ,Perayaan Hari Lahir Dewi Mazu dan Mesyuarat Tahunan. Sambutan yang baik ini adalah disebabkan ia merupakan aktiviti tahunan maka ahli persatuan akan merasakan bahawa adalah kewajipan mereka untuk menghadiri aktiviti tersebut. Di samping itu oleh kerana ia merupakan aktiviti yang dijalankan pada tiap - tiap tahun maka ahli persatuan akan lebih mengingati tarikh bila aktiviti tersebut akan dijalankan. Selain dari itu semasa mengadakan sesuatu perayaan tertentu wakil - wakil persatuan akan pergi dari rumah ke rumah untuk mengutip bayaran . Di samping mengutip bayaran tersebut mereka melakukan promosi dan publisti untuk tujuan tersebut. Bagi mesyuarat tahunan pula , persatuan juga ada mengedarkan surat - surat pemberitahuan kepada ahli - ahli persatuan.

Aktiviti yang kurang mendapat sambutan adalah seperti latihan nyanyian lagu - lagu pop dan Seni" Tai Chi" .Dapat dilihat disini bahawa sebilangan kecil ahli persatuan sahaja yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Ahli

yang selalu menyertai dalam aktiviti tersebut merupakan Ahli Jawatan Kuasa yang diberikan tugas menjalankan aktiviti tersebut. Keadaan ini berlaku kerana mereka merasakan adalah tanggungjawab mereka dalam menjayakan aktiviti tersebut. Kekerapan ahli persatuan yang melibatkan diri dalam aktiviti persatuan dapat dilihat di bawah.

Jadual 4.5. Menunjukkan Kekerapan Penglibatan Ahli Dalam Aktiviti Persatuan

Jenis Kekerapan	Bilangan	Peratusan
Kerap	15	32.6%
Jarang	26	56.5%
Tidak Pernah	5	10.9%
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	46	100.00%
	<hr/>	<hr/>

Sumber : Kerjalar

Hasil dari temuramah dengan responden - responden mengenai sambutan terhadap aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan , pengkaji mendapat 6 faktor utama :

- * Ahli Persatuan tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti persatuan.
- * Setengah ahli persatuan tidak mengetahui tentang aktiviti yang dijalankan .
- * Setengah ahli pula berpendapat bahawa aktiviti yang dijalankan tidak sesuai untuk mereka.
- * Ahli persatuan tidak mendapat galakan dari kawan dan dari ibubapa mereka.
- * Setengah ahli pula berpendapat bahawa sukar bagi mereka untuk menyertai aktiviti persatuan kerana tiada pengangkutan, rumah terletak jauh dan aktiviti dijalankan pada waktu malam.
- * Terdapat persaingan aktiviti dari luar yang lebih menarik.

Jawapan tiada masa untuk aktiviti persatuan merupakan rungutan utama ahli persatuan. Menurut mereka lagi masa pagi dan petang telah digunakan oleh mereka untuk bekerja. Walaupun aktiviti persatuan ini di adakan pada waktu malam tetapi mereka menyatakan bahawa telah penat bekerja seharian dan masa pada waktu malam harus digunakan untuk berihat dan untuk keluarga masing - masing.

Pengkaji juga mendapati bahawa setengah ahli persatuan tidak mengetahui langsung mengenai aktiviti yang dijalankan oleh persatuan. Kumpulan ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu satu kumpulan yang memang tidak mempunyai minat dan tidak ambil tahu langsung mengenai aktiviti persatuan manakala satu lagi adalah kumpulan yang sememangnya berminat pada aktiviti persatuan tetapi tidak mengetahui apa - apa. Walaubagaimana pun bilangan yang kedua ini amat sedikit.

Ahli persatuan juga berpendapat bahawa aktiviti yang dijalankan setengahnya tidak bersesuaian misal latihan nyanyian tidak menarik golongan dewasa manakala seni Tai - Chi pula tidak menarik golongan muda. Golongan ahli persatuan yang masih bersekolah lagi tidak mendapat galakkan dari ibubapa kerana aktiviti ini dianggap sebagai membuang masa sahaja kerana masa itu boleh digunakan untuk mengulang kaji pelajaran mereka.

Selain dari penjelasan diatas, ahli persatuan juga menghadapi persaingan dari luar akibat pemodenan bandar Muar. Bandar ini mempunyai 3 buah pasaraya, pelbagai persatuan sukarela yang lain, pusat rekreasi, pusat komputer, pusat snooker, panggung wayang, kedai video tape, disko dan pusat - pusat hiburan yang lain. Keadaan ini diperburukkan lagi dengan penambahan rancangan - rancangan televisyen yang menarik dari Rancangan Televisyen Malaysia (RTM), Saluran Televisyen 3 (TV3) dan juga rancangan dari saluran Singapura iaitu Badan Penyiaran Singapura (SBC).

4.4. Rumusan .

Banyak kajian yang lepas mendapati bahawa persatuan - persatuan sukarela telah mengalami kemerosotan dari segi peranan dan fungsi mereka menjelang tahun-tahun 80an. Anggapan ini adalah tidak tepat bagi Persatuan Shing An kerana pengkaji mendapati bahawa persatuan ini bertambah giat pada tahun-tahun 80an. Walaupun banyak fungsi lama yang dimainkan oleh persatuan sukarela telah diambil alih oleh organisasi yang lain tetapi nyata bahawa Persatuan Shing An telah cuba memperkenalkan peranan-peranan persatuan yang baru untuk meningkatkan kebudayaan dan pendidikan ahli persatuan.

KESIMPULAN

Bab ini adalah untuk melihat samada persatuan sukarela ini masih dapat mempertahankan kepentingan mereka di dalam komuniti Cina masakini dalam menghadapi cabaran modenisasi yang kian pesat. Bab ini juga akan menghuraikan pendapat-pendapat responden mengenai masa depan Persatuan Shing An dan persatuan - persatuan sukarela yang lain di Malaysia . Akhir bab ini pula pengkaji akan mengemukakan cadangan - cadangan untuk memajukan persatuan sukarela ini.

5.1. Cabaran - cabaran yang dihadapi oleh Persatuan

Penubuhan persatuan sukarela orang Cina boleh didapati di merata-rata tempat di Malaysia dimana terdapatnya komuniti Cina . Fenomena ini bukan sahaja didapati di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia di mana terdapat orang Cina menetap di sana. Pembentukan ini adalah wajar kerana setiap kelompok ini mempunyai identiti masing - masing maka mereka merasakan adalah perlu untuk mengabungkan diri dalam satu persatuan (Association) untuk membolehkannya mewakili kelompok masing - masing apabila terdapat rundingan dengan pihak kerajaan. Disamping melindungi hak ahli - ahli persatuan , ia juga menjalankan peranan dalam memberikan kebajikan kepada ahli - ahlinya. Pada awalnya penubuhan persatuan ini adalah hanya bertujuan untuk menjaga kepentingan aktiviti kebajikan dan

ekonomi ahli . Tetapi kini jelas kelihatan bahawa fungsi kebudayaan dan politik sudah menjadi bertambah penting.

(a) Cabaran dari perkembangan politik orang - orang Cina

Sejak tahun 1949 Negara Cina telah menutup pintu keluar masuk Negara Cina dengan Asia Tenggara . Penutupan pintu ini telah menyebabkan orang - orang Cina terpaksa membuat keputusan samada untuk terus menetap di Tanah Melayu atau balik ke kampung asal mereka. Ramai orang - orang Cina ini telah memilih untuk menetap di Tanah Melayu kerana mereka mempunyai kepentingan ekonomi di Tanah Melayu dan juga keluarga serta sanak saudara berada di sini. Pemberian kerakyatan kepada golongan migran ini telah mengubah pandangan politik mereka dari pemerhatian perkembangan politik Negara Cina kepada perkembangan politik tempatan .

Penglibatan persatuan dalam politik sebelum tahun 1949 adalah pada peringkat yang paling minimum. Atas kesedaran ini, MCA (Malayan Chinese Association) telah dibentuk pada tahun 1949. Pembentukan MCA adalah bermotif untuk menjaga dan melindungi kepentingan dan hak - hak orang - orang Cina di Malaysia. MCA berjaya meletakkan dirinya pada peringkat atas persatuan - persatuan orang Cina yang dibentuk di Malaysia.

Di samping menjaga kepentingan dan hak - hak orang - orang Cina di negara ini , ia juga berfungsi sebagai pengembang kebudayaan dan kebajikan ahli - ahli persatuannya dan juga pada semua rakyat Malaysia keturunan Cina. En. Chua Jui Meng (Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan

Malaysia, seorang pemimpin MCA) menyatakan bahawa MCA telah mengadakan pelbagai fungsi bagi penduduk Cina di daerah Muar. Beliau menambah lagi bahawa MCA juga ada mengadakan kelas bimbingan untuk pelajar - pelajar yang lemah , mencarikan rumah kos murah untuk golongan miskin , berhubung erat dengan Kementerian Kebajikan untuk mendapatkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukannya dan MCA juga mempunyai biasiswa untuk pelajar - pelajar peringkat pengajian tinggi.

Selain dari MCA terdapat juga beberapa parti yang lain termasuklah DAP (Demoratic Action Party) dan Parti Gerakan. Parti - parti ini memainkan peranan politik yang amat berkesan kepada orang - orang Cina di Malaysia. Penubuhan parti-parti politik ini telah mengambil alih sebahagian dari fungsi persatuan sukarela orang Cina khususnya dari segi mewakili hak orang Cina di Malaysia.

(b). Perkembangan Agensi Kerajaan dan Persatuan yang lain
di Bandar Maharani , Muar.

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyatnya tanpa mengira kaum , bangsa dan ugama. Agensi kerajaan seperti agensi pendidikan telah membentuk sistem pelajaran nasional dan kerajaan juga mengambil alih sekolah - sekolah vernakular Cina yang dahulunya diuruskan oleh persatuan - persatuan sukarela dan juga orang perseorangan. Agensi kerajaan juga menyediakan

pelbagai bantuan persekolahan seperti skim buku pinjaman , bantuan kewangan dan juga menyediakan pelbagai biasiswa dan pinjaman kewangan untuk para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi mereka.

Agensi kesihatan pula menyediakan skim perubatan dan rawatan percuma kepada semua orang. Sistem rawatan yang baik dan moden ini telah menyakinkan orang - orang Cina berbanding dengan sistem perubatan tradisional Cina.

Agensi kebajikan masyarakat pula memainkan peranan dalam memberi khidmat dan bantuan kepada golongan yang memerlukannya. Ia juga ada menyediakan rumah orang tua, rumah orang cacat, rumah anak yatim dan lain - lain perkhidmatan untuk golongan yang kurang bernasib baik. Manakala agensi perumahan kerajaan menyediakan rumah - rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah. Penubuhan agensi kerajaan dalam hal pekerjaan juga membantu mengurangkan masalah pengganguran yang berlaku di Malaysia. Penubuhan agensi seperti diatas dan sikap generasi muda yang suka mencari pekerjaan yang mereka suka serta kewujudan berbagai - bagai jenis pekerjaan dalam jabatan kerajaan telah menyebabkan bantuan mencari pekerjaan oleh persatuan orang Cina untuk ahli - ahlinya turut menjadi kurang penting.

Penubuhan persatuan sukarela juga diikuti oleh penubuhan berbagai - bagai persatuan yang lain yang bertujuan memberi perkhidmatan kepada masyarakat . Disamping itu juga terdapat berbagai organisasi yang berasaskan kesukanan , ugama dan perhubungan sosial turut dibentuk untuk memenuhi keperluan masyarakat masa kini. Organisasi tersebut adalah seperti


Persatuan Buddhist Muar, Kelab Lion , Kelab Tanjung dan lain-lain lagi. Penubuhan persatuan - persatuan atau kelab seperti berikut ia juga menjadi persaingan kepada persatuan-persatuan sukarela Cina.

(c) Migrasi

Faktor migrasi keluar penduduk sesebuah bandar turut memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan keahlian persatuan yang muda. Masalah migrasi ini telah mengakibatkan pengaliran keluar penduduk Cina ,Muar ke pusat-pusat bandar utama seperti Singapura, Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Pengaliran keluar ini telah mengakibatkan kadar pertambahan keahlian baru yang rendah dalam persatuan-persatuan sukarela ini . Persatuan Shing An , Muar yang hanya mempunyai 22 ahli persatuan yang berumur kurang dari 25 tahun. Kekurangan ahli-ahli persatuan yang muda menyebabkan banyak aktiviti persatuan tidak mendapat sambutan yang baik.

Migrasi dari satu negeri ke satu negeri yang lain kian bertambah dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Keadaan migrasi ini boleh dilihat dalam Peta 4 yang menunjukkan migrasi dalaman Semenanjung Malaysia .

Peta 5.1. Peta Menunjukkan Migrasi Dalam Semenanjung Malaysia



Sumber : Laporan Banci Penduduk (1980, : 73)

**5.2. Masa depan Persatuan Shing An dan juga Persatuan -
persatuan Sukarela yang Lain**

Persatuan Shing An masih mempunyai peluang untuk bertambah maju dan lebih banyak fungsi yang masih boleh dijalankan oleh Persatuan. Ramai pengkaji lain mendapati bahawa generasi muda masakini menganggap persatuan sukarela ini sebagai persatuan untuk orang - orang tua sahaja. Menyedari masalah ini yang mungkin berlaku ke atas Persatuan Shing An maka persatuan ini telah membentuk Bahagian Pemuda-pemudi Persatuan bagi menggalakkan kemasukan dan melatih ahli - ahli baru yang muda.

Persatuan Shing An boleh terus kekal wujud di Bandar Maharani, Muar kerana ia boleh mendapat sumber kewangan yang tetap melalui penyewaan peralatan - peralatan persatuan, bilik tumpangan dan juga sewaan tingkat bawah bangunan Persatuan. Sumber kewangan yang berterusan ini akan menjamin kewujudan persatuan dan membolehkan ia menganjurkan pelbagai aktiviti persatuan.

Persatuan Shing An seperti juga persatuan - persatuan sukarela yang lain mempunyai tempat penyembahan dewa - dewi masing - masing. Kepercayaan terhadap agama dan tradisi orang - orang Cina ini akan menyebabkan ahli - ahli persatuan terus mengunjungi persatuan untuk membuat aktiviti sembahyang dan lain - lain kegiatan keagamaan. Setengah persatuan sukarela yang lain ada menyediakan tempat penyembahan nenek moyang yang telah meninggal dunia. Penyembahan roh - roh nenek moyang adalah kewajipan yang amat penting bagi masyarakat Cina.

Akhirnya penubuhan persatuan-persatuan sukarela orang - orang Cina ini kebanyakannya akan terus berkekalan kerana ia mempunyai sumber kewangan yang membolehkan ia membiayai segala perbelanjaan persatuan .Walaupun setengah persatuan ini tidak banyak lagi menjalankan fungsi tetapi ia akan tetap kekal sebagai tempat beribadat dewa - dewi dan penyembahan nenek moyang ahli.

Dari hasil temuramah dengan responden-responden ,pengkaji mendapati bahawa ramai responden masih menyokong dan bersetuju untuk mengekalkan persatuan - persatuan sukarela kerana ia masih mempunyai kemampuan untuk menjalankan pelbagai fungsi tertentu.

(lihat jadual 5.1. dalam menunjukkan penyokongan bahawa persatuan harus terus tetap kekal atas beberapa sebab.)

Jadual 5.2: Sebab - sebab Persatuan Sukarela

Harus Dikekalkan

SEBAB MENYOKONG	BIL. (N)	PERATUSAN (%)
1. Persatuan masih dapat mampu memberi faedah dan kebajikan kepada ahli- ahli persatuan	18	39.2%
2. Persatuan ini penting untuk mengembangkan kebudayaan dan kepercayaan orang - orang Cina dan juga mengekalkan identiti mereka di Malaysia	15	32.6%
3. Persatuan penting untuk ugama dan penyembahan nenek moyang yang telah meninggal dunia.	6	13.0%
4. Persatuan adalah penting untuk perhubungan perniagaan mereka.	4	8.7%
SEBAB TIDAK MENYOKONG		
5. Persatuan ini menghalang pembentukan rakyat Malaysia yang bersatu dan tidak sesuai untuk generasi moden	3	6.5%
Jumlah	46	100%

Sumber : kerjalar

5.3 Cadangan - cadangan

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah mewarisi masyarakatnya yang berbilang kaum , suku , budaya dan agama. Keadaan masyarakat yang tergolong dalam berbilang kaum, kepelbagaian kebudayaan dan agama ini telah

merumitkan negara dalam membentuk satu identiti rakyat Malaysia yang bersatu padu.

Situasi di mana masyarakat yang tidak homogenous ini bertambah rumit dengan pembentukan persatuan - persatuan yang mewakili kelompok - kelompok tertentu. Pergolakan politik yang membesar-besarkan isu - isu sensitif seperti penubuhan Universiti Merdeka, Bukit Cina , Isu papan, Sekolah Integrasi dan kes limau mandarin telah menimbulkan kesan " emotional " orang - orang Cina khususnya. Oleh itu pengkaji mencadangkan agar satu organisasi orang - orang Cina yang bersifat Kebangsaan dapat di bentuk. Pembentukan organisasi tersebut akan mengurangkan masalah perpaduan orang - orang Cina khususnya tanpa merujuk kepada dialek mana atau "surname " seseorang. Setakat ini masih belum ada satu pun organisasi yang benar - benar mewakili masyarakat Cina pada keseluruhannya. Oleh itu jika organisasi ini terbentuk maka lebih senanglah kerajaan berunding dengan wakil itu untuk mengadakan apa - apa rancangan dan dasar - dasar kerajaan tanpa menimbulkan kontrovesi dan penentangan dari mana - mana pihak.

Satu lagi cadangan pengkaji adalah untuk mengikuti perubahan - perubahan yang berlaku ke atas 2 persatuan sukarela yang di dapati di Singapura iaitu Chin Kang Hui Kuan (Persatuan yang berasakan dialek Hokkien) dan Kong Chow Hui Kuan (Persatuan yang berasakan kepada dialek Kantonis) . Kedua - dua persatuan ini telah mengamalkan dasar terbuka iaitu membenarkan masyarakat luar tanpa mengira dialek atau

bangsa untuk menyertai segala aktiviti kebudayaan dan rekreasi yang dianjurkan oleh persatuan tersebut. Sikap terbuka ini akan mendorong kemasukan ahli - ahli baru dan lebih mendapat sokongan dari komuniti luar.

Pengkaji juga berharap persatuan ini dapat menambahkan lagi lebih banyak aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti pasukan tarian singa , pancaragam, kelas-kelas bimbingan, seni tarian moden dan klasik. Pengkaji juga berpendapat bahawa akitiviti persatuan haruslah dijalankan pada waktu pagi atau petang untuk menarik penyertaan penglibatan ahli-ahli yang muda yang masih lagi dibangku persekolahan.

Sekarang Persatuan - persatuan sukarela harus mengubah aktiviti dan fungsi mereka mengikuti perubahan semasa . Perubahan fungsi - fungsi yang dimainkan oleh persatuan akan menarik minat ahli - ahli persatuan baru terutamanya dari golongan muda yang kini kian berkurangan.

N O T A

1. Malaysia meliputi suatu kawasan seluas kira-kira 330,434 kilometer persegi mengandungi semenanjung Malaysia , Sabah dan Sarawak di bahagian utara dan barat Pulau Borneo.
2. Dewi Mazu dipercayai berasal dari Putien di negeri Cina. Ia dipercayai juga dapat memberi perlindungan kepada golongan nelayan.
3. Istilah Nanyang dalam bahasa Mandarin bermakna Lautan Selatan yang digunakan oleh orang Cina untuk merujuk kepada negeri-negeri Asia Tenggara pada zaman penghijrahan orang Cina.
4. Istilah Sinkeh bererti tetamu baru dalam bahasa Cina dan ia digunakan kepada golongan migran yang baru sampai ke Asia Tenggara.

B A H A N R U J U K A N

Buku dan Latihan Ilmiah

1. Babbie, Earl R. The Practice of Social Research, California: Wadsworth Publishing Company, 1975.
2. Carstens, Sharon. Chinese Association in Singapore Society, Occasional Paper no. 30, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1975.
3. Chee Liew Seong . " The Hakka Community in Malaya with special reference to their Associations , 1801-1968," M.A. Thesis, Kuala Lumpur : University of Malaya, 1971.
4. Chen Ta. Emmigrant Communities in South China : A Study of Overseas Emmigration and Its Influence in Standards of Living and Social Change, (B.Lasker 9 ed.), London : Oxford University Press, 1939.
5. Cheng Lim Keak. Social Change and The Chinese In Singapore, National University of Singapore : Singapore University Press , 1985.
6. Chew Chiew Leng. " Persatuan Sukarela orang Cina - satu kajian kes Persatuan Keng Chew Negeri Sembilan, latihan ilmiah bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera , Kuala Lumpur : Universiti Malaya , sesi 83/84.
7. Coughlin, Ricard J. The Chinese in Bangkok : A Study of Cultural Persistence, Yale University, Ph. D. 1952 , Sosiology General, 1953.
8. Coppel, Charles. " The position of the Chinese in the Phillipines, Malaysia and Indonesia", The Chinese in Indonesia, the Phillipines and Malaysia , report No. 10 , Minority Rights Group , 1972.

9. Crissman, Lawrence W.
 " The Segmentary Structure of Urban Overseas Chinese Communities ", Man vol. 2, no. 2, hal. 185-203, 1967.
10. Douglas, Stephen A. and Pedersen, Paul.
 " The Development of Voluntary Associations In Malaysia ", Blood, Believer and Brother, Papers in International Studies Southeast Asia Series, no. 29, Ohio University, 1973.
11. Freedman, Maurice.
 " Immigrants and Associations : Chinese in Nineteenth Century Singapore", Comparative Studies in Society and History, vol. 3 no. 3, hal. 25-48, 1960 a.
12. _____ ,
 " Overseas Chinese Associations :A Comment", Comparative Studies in Society and History, vol. 3 no. 3, hal 478-480 , 1960 b.
13. _____ ,
The Study of Chinese Society, California : Stanford University Press ,1979.
14. Hsieh , Jiann.
 " The Chinese Community In Singapore : The Internal Structure ", in S.J. Chen and Hans - Dieter Evers (eds.) , Studies in Asean Sociology , Singapore : Chopmen Enterprises , 1978.
15. Lee Poh Ping .
Chinese Society in Nineteenth Century Singapore, Kuala Lumpur; Oxford University Press, 1978.
16. Lee Wai Ling.
 " The Structure and Functions of Cantonese Voluntary Associations in Kuala Lumpur", latihan ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera , Kuala Lumpur : Universiti Malaya, sesi 83/84.
17. Little , Kenneth.
 Urbanization and Regional Associations : Their Paradoxical Function , Urban Anthropology , Cross - Cultural Studies of Urbanization, Edited by Aidan Southhall, USA, Oxford University Press, 1973.

18. Li Yih Yuan.
An Immigrant Town - Life in an Overseas Chinese Community in Southern Malaya, Institute of Ethnology, Academia Sinica, Monograph Series B, No. 1, Taipei, 1970.
19. Low Chew Boon.
 " A Cantonese Voluntary Associations : A Case Study of Sam Sui Wui Kwon in Malacca", latihan ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, sesi 84/85.
20. Low Lai Sheng.
 " Chinese Associations with Particular Reference to Surname, Province and District Associations ", latihan ilmiah untuk Sarjana Ijazah Muda Sastera, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, sesi 76/77.
21. Moese, Wolfgang.
Chinese Regionalism in West Malaysia and Singapore, Hamburg : Gesellschaft fur Natur - und Volkerkunde Ostasiens, (et al), 1979.
22. Purcell, Victor.
Chinese in Southeast Asia, London : Oxford University Press, 1965.
23. _____,
The Chinese in Malaya, London : Oxford University Press, 1976.
24. Skinner, G. William.
Leadership and Power in the Chinese Community of Thailand, Ithaca : Cornell University Press, 1958.
25. Soh Wei Nee.
 " Chinese Clan Associations in Georgetown, Klang and Kuala Terengganu in Peninsular Malaysia ", latihan ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1986.

26. Tan , Thomas Tsu Wee.
 " Singapore Modernization : A Study of
 Traditional Chinese Voluntary Associations
 in Social Change", PhD. 1983, Department of
 Sociology , University of Virginia, University
 Microfilm International, Michigan, USA, 1984.
27. Trocki, Carl A.
 " The Origin of the Kangchu System 1740-
 1860 ", Journal of Malayan Branch Royal
 Asiatic Society , vol. 49, no. 2 , 1976.
28. Wan Ming Sing .
 " The History of the Organisation of the
 Chinese Community in Selangor with
 particular reference to problems of
 Leadership 1857-1962", M.A. Thesis , Kuala
 Lumpur : University of Malaya ,1967.

Laporan , Kertas Kerja dan lain-lain.

29. Laporan Banci Penduduk Malaysia , 1980.
30. Kertas-kertas kerja Seminar Kebudayaan Nasional , Nov. 1982 -
 Dis. 1983 , Universiti Malaya , Kuala Lumpur .
31. Buku Cenderamata dan lain - lain dokumen Persatuan Shing An,
 Muar.